



LAPORAN TAHUNAN **& PENYATA KEWANGAN**

ANNUAL REPORT & FINANCIAL STATEMENT
LGM PROPERTIES CORPORATION

2020

KANDUNGAN

CONTENTS

Visi & Misi / <i>Vision & Mission</i>	04
Lokasi Ibu Pejabat & Perladangan / <i>Headquarters & Plantation Location</i>	05
Maklumat Korporat / <i>Corporate Information</i>	06
Struktur Korporat / <i>Corporate Structure</i>	14
Ahli Lembaga Pengarah / <i>Board Of Directors</i>	16
Prestasi Kewangan / <i>Financial Performance</i>	20
Perutusan Pengerusi / <i>Chairman's Statement</i>	24
Kumpulan Pengurusan / <i>Management Group</i>	34
Carta Organisasi / <i>Organization Chart</i>	38
Laporan Ketua Pegawai Eksekutif / <i>Chief Executive Officer's Report</i>	40
Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia / <i>Administration & Human Resource Division</i>	46
Bahagian Pelaburan & Pembangunan Komersial / <i>Investment & Commercial Development Division</i>	58
Bahagian Pengurusan Perladangan / <i>Plantation Management Division</i>	64
Bahagian Pengurusan Hartanah / <i>Property Management Division</i>	94
Penyata Kewangan / <i>Financial Statement 2020</i>	106

VISI

LGM Properties Corporation berusaha untuk menjana dan memaksimumkan pendapatan melalui amalan pengurusan hartanah yang cekap dan sistematik dengan berintegriti tinggi.

VISION

LGM Properties Corporation aspires to generate and maximise revenue through efficient and systematic property management with high integrity.

MISI

LGM Properties Corporation berhasrat menjadi sebuah perbadanan yang dinamik, berdaya maju dan mampan dalam pengurusan hartanah.

MISSION

LGM Properties Corporation aspires to be a dynamic, progressive and sustainable corporation in managing properties

LOKASI IBU PEJABAT DAN PERLADANGAN

HEADQUARTERS AND PLANTATION LOCATION

Perladangan / Plantation

LGM Properties Corporation
Ladang LGM Begia
Jalan Kg Betong
Sungai Semiar
08200 Sik, Kedah.
Koordinat: 5.846393, 100.657556
☎ 014-312 0507

Perladangan / Plantation

LGM Properties Corporation
Ladang LGM Pahang Tenggara
KM12, Jalan Bukit Ibam
26700 Muadzam Shah
Pahang Darul Makmur.
Koordinat: 3.101636, 103.037681
☎ 09-452 8624 ☎ 09-452 8701

Perladangan / Plantation

Ladang LGM Panti
Mukim Kampung Panti
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Takzim.
Koordinat: 1.752123, 103.866375
☎ 07-889 1213 ☎ 07-889 1213

Ibu Pejabat / Headquarters

LGM Properties Corporation
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli
148, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.
Koordinat: 3.159864, 101.711097
☎ 03-2171 1177 ☎ 03-2171 1151
🌐 www.lgmpc.com.my
📘 [lgmpropertiescorporation](https://www.facebook.com/lgmpropertiescorporation)
📷 [lgmpropertiescorporation](https://www.instagram.com/lgmpropertiescorporation)
🐦 [LGM Properties Corporation](https://twitter.com/LGM_Properties_Corporation)
✉ hello@lgmpc.com.my

Perladangan / Plantation

LGM Properties Corporation
Ladang LGM Penawar
Jalan Tanjung Balau Desaru
Bandar Penawar
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Takzim.
Koordinat: 1.578927, 104.243708
☎ 07-889 1213 ☎ 07-889 1213

MAKLU KORPO

CORPORATE INFORMATION

JUMAT ORAT



MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

LGM Properties Corporation (LGMP) diperbadankan pada 1 Januari 2002 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (LGM) 1996 dan telah memulakan operasinya pada 1 Julai 2002.

LGM Properties Corporation (LGMP) was incorporated on 1st January 2002 under the Malaysian Rubber Board (MRB) Act 1996 and began its operations on 1st July 2002.

PENUBUHAN PERBADANAN

ESTABLISHMENT OF THE CORPORATION

a. Maka ditubuhkan sesuatu pertubuhan perbadanan bernama "LGM Properties Corporation" di bawah Perintah Lembaga Getah Malaysia (Penubuhan Perbadanan (LGM Properties Corporation) 2001 [P.U.(A)389/2001].

a. A corporate body was established by the name of LGM Properties Corporation under the Malaysian Rubber Board (Establishment of Corporation) (LGM Properties Corporation) Order 2001 [P.U. (A) 389/2001].

b. Perbadanan ini hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai satu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanan dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan suatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.

b. The Corporation shall have perpetual succession and a common seal and may sue and be sued in its corporate name and, for the purpose of carrying into effect the project, scheme or enterprise for which it is established, may enter into contracts, and may hold and deal in or with any immovable or movable property and may do all other matters and things incidental or appertaining to a body corporate not inconsistent with the provisions of the Act and subject to such restrictions or limitations as may be prescribed by the Board.





MAKSUD DAN TUJUAN PERBADANAN

PURPOSES AND OBJECTIVES OF CORPORATION

Maksud dan tujuan Perbadanan ditubuhkan adalah untuk menjana pendapatan kepada Lembaga melalui:

- a. Pengurusan tanah dan harta kepunyaan Lembaga;
- b. Perkhidmatan pengurusan dan perkhidmatan jururunding pengurusan harta kepada Lembaga; dan
- c. Perkhidmatan pengurusan harta dan perkhidmatan juru runding pengurusan harta kepada orang atau badan yang terlibat dalam getah atau berhubung dengan industri getah.

The purposes and objectives of the Corporation's establishment is to generate revenue for the Board through:

- a. Management of land and property belonging to the Board;*
- b. Management services and property management consultancy services to the Board; and*
- c. Property management services and property management consultancy services to persons or bodies involved in the rubber or rubber related industry.*

FUNGSI PERBADANAN

FUNCTIONS OF CORPORATION

Fungsi Perbadanan adalah:

- a. untuk mengaku janji pengurusan dan penyelenggaraan ladang getah dan ladang berhubung dengan getah lain kepunyaan Lembaga;
- b. untuk mengaku janji pengurusan dan penyelenggaraan harta lain kepunyaan Lembaga;
- c. untuk mengadakan perkhidmatan jururunding pengurusan harta kepada Lembaga;
- d. untuk mengaku janji pengurusan dan penyelenggaraan ladang getah dan harta lain berhubung dengan industri getah; dan
- e. untuk mengadakan perkhidmatan jururunding pengurusan harta kepada orang atau badan yang terlibat dalam getah atau berhubung dengan industri getah.

Walau apa pun subperaturan (1), Perbadanan tidak boleh menjalankan mana-mana fungsi di bawah perenggan (1) (a), (b) atau (c) kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu oleh Lembaga.

Tiada apa-apa jua dalam subperaturan (1) atau (2) boleh ditafsirkan sebagai membenarkan Perbadanan mengambil alih fungsi, kuasa dan kewajipan am Lembaga di bawah Akta melainkan jika Perbadanan diarahkan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh Lembaga secara khusus.

The functions of the Corporation shall be:

- a. to undertake the management and maintenance of the rubber plantations and other rubber-related plantations belonging to the Board;*
- b. to undertake the management and maintenance of the properties belonging to the Board;*
- c. to provide property management consultancy services to the Board.*
- d. to undertake the management and maintenance of the rubber plantations and other properties related to the rubber industry; and*
- e. to provide property management consultancy services to persons or bodies involved in the rubber or rubber related industry.*

Notwithstanding sub-regulation (1), the Corporation shall not carry out any function under paragraph (1) (a), (b) or (c) except with prior written approval of the Board.

Nothing in sub-regulation (1) or (2) shall be construed as allowing the Corporation to take over the general functions, powers and duties of the Board under the Act unless the Corporation is specifically directed in writing by the Board to do so.



HARTANAH DI BAWAH PENGURUSAN PERBADANAN

PROPERTIES MANAGED BY CORPORATION

Hartanah-hartanah di bawah pengurusan Perbadanan adalah terdiri dari lot-lot tanah perladangan yang ditanam dengan getah, kelapa sawit dan premis-premis yang disewakan secara komersial bagi tujuan perniagaan dan kediaman.

Hasil tanaman ladang dan aktiviti penyewaan komersial merupakan sumber utama kewangan kepada Perbadanan sejak ia ditubuhkan.

Perbadanan turut memainkan peranan yang aktif sebagai perunding kejuruteraan serta penasihat teknikal dalam sektor pembangunan, pembinaan, pengubahsuaian, menaiktaraf dan penyenggaraan hartanah LGM. Perbadanan juga berperanan sebagai penasihat kepada LGM dalam mengkomersialkan lain-lain hartanah milik LGM selain yang di bawah pengurusan LGMPC.

The properties under the management of the Corporation consist of plantation lots planted with rubber, oil palm, and commercial premises leases for business and residential purposes.

Productions from the plantations and commercial rental activities have been the primary source of income for the Corporation since its inception.

The Corporation also plays an active role as an engineering consultant and technical construction in MRB's property development, renovation, refurbishment and maintenance sector. The Corporation also provides consultancy services in commercialising other properties owned by MRB, other than those under the management of LGMPC.

Jumlah Hartanah LGM dibawah pengurusan LGMPC mengikut negeri:
Total number of MRB Properties under LGMPC Management by state:




■ Jumlah Hartanah / Number of Properties

STRUKTUR KORPORAT

CORPORATE STRUCTURE





AHLILE PENGAR

BOARD OF DIRECTORS



MBA GA RAH



AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



Hj. Muhammad Ismi Mat Taib

Pengerusi / *Chairman*
Dari / *From 14 May 2020*



Yeaw Kok Kwey

Pengerusi / *Chairman*
Dari / *From 1 September 2019*
Hingga / *Till 6 March 2020*



Dato' Dr. Zairossani Mohd Nor

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / *From 1 May 2017*



Datuk Ravi Muthayah

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / *From 1 September 2019*



Dr. Benedict Poris Anak Pesong

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / *From 14 May 2020*



Nurul Islam Mohamed Yusoff

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / From 14 May 2020



Hj. Abdul Halim Hassan

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / From 1 November 2015
Hingga / Till 13 May 2020



Khairul Azwan Harun

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / From 14 May 2020



Noor Hisham Mohd Ghouth

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / From 1 September 2019
Hingga / Till 13 May 2020



Dr. Faridah Hanim Ab Hanan

Lembaga Pengarah /
Board of Directors
Dari / From 1 September 2019

PRESTA

KEWAN

FINANCIAL PERFORMANCE






ASI NGAN

PRESTASI KEWANGAN

FINANCIAL PERFORMANCE


LGMPC: Pendapatan Dan Perbelanjaan 2016 - 2020



LGMPC: Revenue And Expenditure 2016 - 2020



Hartanah : Pendapatan Dan Perbelanjaan 2016 - 2020

Properties : Revenue And Expenditure 2016 - 2020




Perladangan: Pendapatan Dan Perbelanjaan 2016 - 2020*Plantation: Revenue And Expenditure 2016 - 2020***Sumbangan LGMPC Kepada LGM 2016 - 2020***LGMPC Contributions to MRB 2016 - 2020*

PERUT PENGGE

CHAIRMAN'S STATEMENT

FUSAN ERUSI



PERUTUS PE



Hj. Muhammad Ismi Mat Taib
Pengerusi / *Chairman*

AN NGERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT

"Tahun 2020, adalah merupakan tahun yang sukar dan mencabar buat Perbadanan namun begitu kami tetap terus berusaha dengan intensiti dan sumber terbaik. Dengan pandemik yang melanda global, kami secara strategik terus bergerak ke hadapan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan."

"Year 2020, has been a very tough and challenging year for the Corporation but we have strived with the best intensity and resources. With the pandemic that hits globally, we strategically moving forward to enhancing our services "

Kemelut pandemik Covid-19 yang tidak terduga merupakan cabaran paling besar yang diharungi oleh semua entiti perniagaan di Malaysia dan di seluruh dunia. Di dalam kemelut ini, Perbadanan telah berusaha menepati strategi yang telah direncana dari sebelum krisis melanda. Tindakan proaktif telah diambil sejajar dengan Visi dan Misi Perbadanan bagi memastikan fungsi Perbadanan terus relevan dan berdaya saing.

Bagi pihak Lembaga Pengarah LGM Properties Corporation, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

The unexpected Covid-19 outbreak is the biggest challenge endured by businesses entity in Malaysia and globally. During this outbreak, the Corporation, with all efforts has adhered to the business strategies that have been planned before the hits. The proactive measure has been made in line with the Corporation's Vission and Mission to ensure the Corporation's functions remain relevant and competitive.

On behalf of the Board of Directors of LGM Properties Corporation, I am pleased to present the Annual Report and Financial Statement of LGM Properties Corporation for the financial year ended 31 December 2020.

PENCAPAIAN

ACHIEVEMENTS

Untuk tahun fiskal 2020, jumlah pendapatan yang dijana adalah sebanyak RM27.29 juta dimana pendapatan penjualan getah adalah RM3.16 juta; penjualan buah tandan segar (BTS) sawit adalah RM7.44 juta; kutipan sewa hartanah adalah RM6.63 juta; faedah yang diperoleh daripada pelaburan bernilai RM0.91 juta dan pendapatan dari pelbagai sumber berjumlah sebanyak RM9.16 juta.

Secara keseluruhan, di tengah kemelut pandemik serta pengenalan dasar-dasar baru bagi membendung penularan jangkitan oleh kerajaan telah memperlambatkan aktiviti perniagaan, walaupun begitu, perolehan pendapatan Perbadanan pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 12.46% bersamaan dengan RM3.02 juta. Kenaikan ini adalah kerana harga jualan BTS sawit yang meningkat pada empat bulan terakhir tahun 2020 menjadi faktor kenaikan pendapatan bahagian perladangan sebanyak 0.29% atau RM0.032 juta. Faktor semakan semula harga sewaan unit hartanah komersial juga memberi impak kenaikan sebanyak 3.17% iaitu sebanyak RM0.20 juta kepada Bahagian Hartanah.

Program rangsangan monetari yang diperkenalkan oleh Bank Negara dengan pengurangan OPR sebanyak 125 mata telah memberi impak kepada sumber pendapatan dari faedah dan perolehan melalui pelaburan simpanan tetap konvensional iaitu dari RM1.20 juta kepada RM0.91 juta berkurang sebanyak 24.4%. Namun begitu pada tahun 2020 satu segmen perniagaan baru iaitu perkhidmatan makmal G-TAC_R telah menyumbang kepada pendapatan Perbadanan sebanyak RM0.96 juta selama enam bulan dibawah pengurusan Perbadanan sebelum diserahkan semula kepada LGM.

Lain-lain pendapatan yang diperoleh daripada penjualan kayu getah tua, pembayaran balik penamatan makmal G-TAC_R, fi servis ke atas projek untuk LGM, caj servis dan pelbagai pendapatan daripada perkhidmatan penggajian kakitangan penempatan di LGM, Polis Bantuan serta lain-lain perkhidmatan dan jualan dokumen tender turut menyumbang kepada kenaikan pendapatan Perbadanan sebanyak RM7.79 juta pertambahan sebanyak RM2.13 juta atau 37.53%.

Pada tahun 2020, jumlah pengeluaran getah dari Ladang LGM Pahang Tenggara adalah 715.65 metrik tan berbanding 949.71 metrik tan pada tahun 2019, pengeluaran ini berkurangan sebanyak 24.65%. Selain dari faktor pandemik, pengurangan kawasan

getah berhasil seluas 567.75 hektar untuk aktiviti tanaman semula turut telah memberi kesan kepada pengeluaran hasil. Manakala, jumlah pengeluaran kelapa sawit dari semua ladang berjumlah 13,739 metrik tan atau penurunan sebanyak 12.06% berbanding tahun sebelumnya. Kekurangan tenaga kerja dan keadaan cuaca yang tidak menentu adalah diantara punca penurunan pengeluaran hasil namun ia tidak memberi impak kepada pendapatan penjualan sawit berikutan dari peningkatan harga komoditi BTS.



For the fiscal year 2020, the total revenue generated is RM27.29 million which is from the sales of rubber worth RM3.16 million; sales of palm oil fresh fruit bunches (FFB) worth RM7.44 million; collection of properties rental worth RM6.63 million; interest gained from investments worth RM0.91 million and income from various sources worth RM9.16 million.

Overall, amid the pandemic turmoil as well as the introduction of new policies to curb the spread of infections by the government have slowed business activities, however the Corporation's revenue in 2020 showed an increase of 12.46% equivalent to RM3.02 million. This growth is due to the rise in the selling price of palm oil fresh fruit bunches (FFB) in the last four months of 2020 influenced to increase the income of the Plantation Division by 0.29% or RM0.032 million.



The factor of revising the rental price of commercial property commercial units also gave a surge impact of 3.17% or RM0.20 million Property Division.

The monetary stimulus programme introduced by Bank Negara with a reduction of the OPR to 125 points has impacted the source of income from interest and earnings through conventional fixed deposit investments from RM1.20 million to RM0.91 million, a decrease of 24.4%. However, in 2020, a new business segment, namely **G-TAC_R** Laboratory Services, contributed to the Corporation's revenue of RM0.96 million for six months under the Corporation's management before being handed back to MRB.

Other income earned from the sale of old rubber wood, reimbursement of **G-TAC_R** laboratory termination, fee charges on projects for MRB, service charges and various income from the employment placement staff for MRB, Auxiliary Police and other services and sales of tender document also contributed an increase in the Corporation's revenue of RM7.79 million an improvement of RM2.13 million or 37.53%.

In 2020, total rubber production from Ladang LGM Pahang Tenggara was 715.65 metric tonnes compared to 949.71 metric tonnes in 2019, a decrease of 24.65%. Apart from the pandemic factors, the reduction in rubber yield area of 567.75 hectares for replanting activities has also affected the yield production. Meanwhile, total palm oil production from all plantations amounted to 13,739 metric tonnes, a decrease of 12.06% compared to the previous year. Lack of manpower and unpredictable weather conditions were among the reasons for the decline in yield production but it did not have an impact on palm oil revenue due to the increase in FFB commodity prices.





SENARIO PASARAN

MARKET SCENARIO

Harga getah SMR 20 seperti dilaporkan oleh LGM, menyaksikan harga komoditi getah berada dalam keadaan tidak menentu disepanjang tahun 2020. Purata harga komoditi getah menguncup 5.13% kepada RM548.03 per kilogram berbanding RM577.68 pada tahun 2019. Penguncupan ini diantaranya adalah kerana kesan aktiviti pembendungan penularan virus Covid-19 global yang dikenakan, selain ketidaktentuan harga minyak mentah dan berita kehilangan pasaran getah di rantau Amerika dan Eropah.

Malaysian Palm Oil Board (MPOB) dalam laporan tinjauan industrinya melaporkan, kesan dari wabak global Covid-19, industri kelapa sawit mengalami kelembapan sementara dalam permintaan dan harga eksport pada separuh tahun pertama 2020. Menjelang separuh tahun kedua, senario pasaran mulai berubah kerana pembukaan semula sektor ekonomi global dengan kelonggaran sekatan pergerakan (PKP) ditambah dengan inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Nasional (PENJANA). Faktor kekurangan stok pada akhir tahun 2020 dan harga minyak kacang soya yang lebih

tinggi telah memberi impak kepada harga minyak kelapa sawit kerana persaingan untuk memperoleh bahagian dalam pasaran global minyak sayuran. Purata harga minyak sawit mentah (MSM) pada tahun 2020 meningkat 29% pada paras tertinggi kepada RM2,685.50 per tan metrik berbanding RM2,079.00 per tan metrik pada tahun 2019. Susulan kenaikan harga MSM, purata harga BTS pada kadar purata pengekstrakkan minyak (OER) bagi Semenanjung Malaysia turut meningkat kepada RM561 per tan.

Serahan 29 unit rumah teres di Kota Tinggi, Johor oleh LGM kebawah pengurusan Perbadanan dan penetapan kadar sewaan terbaharu telah membantu menjana pendapatan kepada Perbadanan. Pandemik yang melanda telah memberi kesan kepada kutipan hasil sewaan, dimana hampir semua penyewa lebih berhati-hati dalam berbelanja dengan menghadkan perbelanjaan termasuk membatalkan penyewaan bersama Perbadanan. Perintah kawalan pergerakan yang dikuatkuasa turut memberi impak pada kerja-kerja pengurusan projek dan kutipan penyewaan fasiliti seperti sewaan dewan, sewaan bermusim tapak tempat letak kereta dan gelanggang futsal.

The rubber price of SMR 20 as reported by MRB, shows the uncertain state of rubber commodities prices throughout the year 2020. The average price of rubber commodities contracted 5.13% to RM548.03 per kilogram over RM577.68 in 2019. The shrinkage was partly due to the impact of global Covid-19 virus transmission containment activities, in addition to the volatility of crude oil prices and news of the loss of rubber market in the America and European regions.

Malaysian Palm Oil Board (MPOB) in their industry overview report, due to the global outbreak of COVID-19 pandemic, the industry experienced a temporary slowdown in export demand and prices in the first half of 2020. Towards the second half, the scenario had changed due to the re-opening of the global economic sectors with the relaxation of movement restrictions (MCO) coupled with the Government's initiative under the National Economic Recovery Plan (PENJANA). Factors of shortage in stock at the end of 2020 and higher soybean oil prices

impacting the prices of palm oil as they compete for a share in the global vegetable oils market. Crude palm oil (CPO) average price in 2020 increased by 29% to a record of RM2,685.50 per metric tonne as against to RM2,079.00 per metric tonne in 2019. In tandem with the higher price of CPO, the average price of FFB for average oil extraction rate (OER) of Peninsular Malaysia also increased to RM561 per tonne.

The handover of 29 units of terrace houses in Kota Tinggi, Johor by MRB to the management of Corporation and the revised rental rates have aided generated income for the Corporation. Due to the pandemic, revenue in rental is also affected where almost all of the tenants have been very prudent in their spending by limiting their expenses including terminating their rentals with Corporation. The enforcement of movement control order also impacting the project management works and rental lots and futsal courts.



PERBELANJAAN EXPENDITURE

Jumlah perbelanjaan Perbadanan meningkat sebanyak 16.9% dari RM23.39 juta pada tahun 2019 kepada RM27.23 juta. Kenaikan perbelanjaan ini adalah susulan dari kenaikan perbelanjaan pengurusan hartanah yang bertambah, kenaikan pada bayaran gaji kerana pertambahan kakitangan dan lain-lain pembayaran. Langkah berjimat cermat sentiasa diamalkan oleh Perbadanan dari masa ke semasa.

The Corporation's total expenditure increased by 16.9% from RM23.39 million in 2019 to RM27.23 million. The augmented expenditure is due to an increase in property management expenditure for new units received, an increase in the salary paid out in tandem with new staff appointed, and any other payments. Austerity measures and prudent spending have always been practiced by the Corporation from time to time.

PROSPEK

PROSPECTS

Tahun 2021 akan terus menjadi tahun yang mencabar bagi Perbadanan. Pihak Perbadanan akan terus memastikan pertumbuhan positif dengan kekal fokus pada kompetensi teras kami dan tetap berhati-hati dengan persekitaran operasi yang selalu mencabar.

Dengan penemuan vaksin Covid-19, pemulihan sektor ekonomi tempatan dan antarabangsa serta kelonggaran pada dasar bagi pembendungan wabak Covid-19, Perbadanan positif untuk terus menjana dan memperoleh pendapatan yang lebih baik bagi tahun 2021.

Sepanjang tahun 2020, kerja-kerja merevitalisasi hartanah hak milik LGM seperti LGM PD Lodge dan program tanam semula di Ladang LGM Pahang Tenggara telah mula dilaksanakan dan dijangka siap dalam tempoh yang ditetapkan. Proses revitalisasi dan tanam semula dijangka dapat meningkatkan aktiviti penjaan pendapatan dalam jangka sederhana dan panjang.

Untuk ladang kelapa sawit, pada pertengahan tahun 2020, Perbadanan terus berjaya memperoleh sijil Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) seperti yang diwartakan oleh Kerajaan untuk setiap ladang kelapa sawit di negara ini. Pensijilan MSPO adalah bertujuan untuk meningkatkan standard industri kelapa sawit negara dari segi kemampanan. Perbadanan yakin bahawa gabungan kemajuan ekonomi dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar adalah perlu untuk maju secara progresif.

Year 2021 will be another notable year for us. We are confident we will continue to deliver another positive growth for the Corporation by remaining focused on our core competencies and stay cautious with the ever-challenging operating environment.

With the discovery of Covid-19 vaccines, recovery of global and local economic, and the simplification of Covid-19 containment policy, the Corporation remains positive to keep on generating income and earn better revenue for the year 2021.

Throughout 2020, revitalization works to MRB-owned properties such as MRB PD Lodge and replanting program in Ladang LGM Pahang Tenggara have been implemented and are expected to be completed as planned. These revitalization and replanting processes will enhance revenue-generating activities in the medium and long term.

For oil palm estates, as at mid-year 2020, the Corporation successfully obtained the mandatory Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) certification as mandated by the Government for every palm oil estate in the country. The MSPO certification aims to enhance the standard of the nation's palm oil industry in terms of sustainability. The Corporation believes that economic progress with social and environmental responsibility is a vital combination to advance progressively.





PENGHARGAAN

APPRECIATION

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) atas kepercayaan dan sokongan yang berterusan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah yang terlibat secara langsung dalam memperkukuhkan pengurusan dan pentadbiran Perbadanan pada tahun 2020.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengurusan dan semua kakitangan Perbadanan atas komitmen, usaha dan sumbangan sepenuh hati dalam kejayaan Perbadanan secara keseluruhan.

Setelah menghadapi cabaran pada tahun 2020, kami yakin bahawa dengan sokongan yang tidak pernah putus, kami akan terus berdaya saing dan maju di masa hadapan.

On behalf of The Board of Directors, I especially want to express my highest appreciation to the Ministry of Plantation Industry and Commodities (MPIC) and Malaysian Rubber Board (MRB) for its continuous trust and support.

I would also like to accord a million words of thanks to all the Board of Directors that are directly involved in strengthening the Corporation's management and administration in 2020.

Last but not least, I would like to thank the management team and the Corporation's staff for their wholehearted commitment, efforts and contribution to the success of the Corporation as a whole.

With the way Corporation embraced the challenges in 2020, we are confident that with unwavering support, we will continue to be competitive in the future.

KUMPU PENGU

MANAGEMENT GROUP



JULIAN RUSAN



KUMPULAN PENGURUSAN

MANAGEMENT GROUP



Kong Hock Yew

Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer
Dari / From 1 August 2019 –
31 October 2020



Suhaini Haron

Ketua Pegawai Operasi
Pegawai Tanggung Tugas (KPE)
Chief Operation Officer
Interim Officer (CEO)
Dari / From 1 November 2020 –
31 January 2021



Yahya Azmuddin Ayob

Pengurus Kanan (Hartanah)
Senior Manager (Properties)



Asri Abd Ani

Pengurus Kanan (Perladangan)
Senior Manager (Plantation)



Chin Hon Meng

Pengurus Kanan (G-TACR)
Senior Manager (G-TACR)



Usahananthini Gunasakaran

Pengurus Kanan Sumber Manusia
Human Resource Senior Manager



Iskandar Zulkarnain Hussin

Pengurus Bahagian Pengurusan
Aset Strategik
& Korporat Komunikasi
*Strategic Asset Management
& Corporate Communication
Manager*



Zulkurnain Saaidin

Pengurus Operasi
Setiausaha Perbadanan
*Operations Manager
Secretary of Corporation*



**Wan Sharifudzillah
Wan Abdul Malik**

Pengurus Hartanah
Properties Manager



Lai Kam Mun

Akauntan
Akauntan



Revathi Kamalanathan

Pegawai Perundangan
Legal Officer





Sangeetha Pandian

Pegawai Perolehan
Procurement Officer

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART






LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S REPORT





N

THE

LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S REPORT



"Impak yang besar dari pandemik Covid-19 telah membuatkan Perbadanan menilai semula tujuannya untuk terus memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan. Perbadanan amat beruntung kerana mempunyai dua segmen perniagaan yang berlainan untuk terus maju dalam melaksanakan portfolio melalui strategi yang efisien dan efektif untuk kejayaan yang berterusan. Menetapkan keutamaan untuk mengekalkan kemampuan Perbadanan adalah kuncinya"

"The massive disruptive impact of the pandemic Covid-19 has caused the Corporation to re-evaluate our purpose to better address the needs of our stakeholders. We are fortunate to have two distinct segment of businesses to keep Corporation thrive the portfolio via efficient and effective strategy for constant success. Putting a priority on maintaining the sustainability of our business is the key"

Tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar, namun Perbadanan tetap bertahan mengekalkan portfolio yang kukuh. Cabarannya disebabkan oleh kelembapan ekonomi kerana serangan pandemik Covid-19 di seantero dunia, dimana telah memberi kesan ketidakstabilan pada harga komoditi getah dan kelapa sawit di pasaran antarabangsa dan memberi impak yang besar dalam penjaan pendapatan kepada Perbadanan secara keseluruhan.

Perbadanan juga terpaksa menghadapi kekurangan tenaga kerja ketika Kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan prosedur-prosedur kawalan jangkitan virus Covid-19 telah menyukarkan lagi pengambilan tenaga kerja asing. PKP dan prosedur yang dikenakan juga memberi kesan kepada pasaran hartanah dan fasiliti bukan sahaja kepada Perbadanan malah kepada keseluruhan pasaran hartanah di Malaysia.

Pada tahun 2020, Perbadanan telah menerapkan strategi pertumbuhan yang efektif dengan memanfaatkan kekuatan unik kami untuk terus memastikan Perbadanan tetap kompetitif dalam industri. Dengan sokongan dan galakan dari pihak berkepentingan, kakitangan, pembekal dan pelanggan Perbadanan terus memastikan keperluan semua pihak dipenuhi selari dengan strategi perniagaan yang direncana.

Untuk tahun 2021, dengan keadaan pasaran global yang lebih mencabar, Perbadanan terus mengambil beberapa pendekatan strategik yang relevan dan kekal menjadi keutamaan seperti:

1. Meningkatkan kualiti sistem tadbir urus Perbadanan ke arah yang lebih efektif dan cekap serta menepati aliran semasa
2. Aktif melaksanakan model perniagaan terbaharu dengan mempelbagaikan aktiviti perniagaan bagi tujuan penjaan pendapatan
3. Perbadanan akan terus positif menelusuri segmen perniagaan baharu seperti pertanian dan pembangunan hartanah dengan mengambil peluang yang terbuka kesan dari pandemik yang melanda.
4. Memainkan peranan yang lebih aktif dalam penglibatan berkaitan projek pembangunan komersial yang diketuai oleh LGM untuk mempelbagaikan penjaan pendapatan melalui khidmat nasihat dan perundingan kepada LGM
5. Meneruskan perbelanjaan berjimat cermat dan berhemah tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan dan operasi Perbadanan secara keseluruhan; dan
6. Secara berterusan memberikan motivasi dan komitmen kepada kakitangan LGMPC untuk terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, integriti dan kepercayaan.

The year 2020 was very challenging but the Corporation managed to maintain a strong portfolio. The challenge was due to economic slow down due to Covid-19 pandemic that hit globally, which has affected the instability in the price of rubber and palm oil commodities in the international market and has impacted the revenue-generating for the Corporation as a whole.

The Corporation also had to address labour shortages as the Government imposed a Movement Control Order (MCO) and Covid-19 virus transmitting control procedure has further complicated the enrollment of foreign labor. Implementation of MCO and the procedures also affected the property market and facilities not only to the Corporation but the entire property market in Malaysia.

For 2020, the Corporation has implemented an effective growth strategy designed to leveraging on our unique strengths to ensure the Corporation remains competitive in the industry. With the support of stakeholders, staff, partners, and customers, the Corporation continue to ensure the requirements of all parties are met in accordance with the business strategy.

in 2021, with more challenging global market conditions, the Corporation continues to adopt a number of relevant strategies and remains a priority as follows:

1. *Improve the quality of the Corporation's governance system towards effective and efficient practice in line with current demands;*
2. *Actively implement the latest business models by diversifying business activities for the purpose of income generation*
3. *The Corporation will continue to positively explore new business segments such as agriculture and property development by taking advantage of the opportunities offered as a result of the pandemic*
4. *Play an active role in discussions and engagement related to commercial development projects led by MRB to diversify revenue generation through advisory services and consultations to MRB*
5. *Continue thrift and prudent spending without compromising the quality of the Corporation's services and operations as a whole; and*
6. *Continuously provide motivation and commitment to all LGMPC staff to perform their duties and responsibilities with full dedication, integrity and trust.*


Secara keseluruhan, Perbadanan berjaya mencapai prestasi yang baik, walaupun persekitaran global sedang mengalami kegawatan yang tidak terduga dari pandemik yang melanda dan ketidak tentuan harga komoditi pada tahun 2020. Dikesempatan yang ada Perbadanan telah berjaya memperoleh jumlah pendapatan yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM27.29 juta, manakala perbelanjaan yang digunakan adalah RM27.23 juta. Perbelanjaan operasi yang lebih tinggi berbanding tahun 2019 adalah sebagai pelaburan perniagaan untuk pulangan jangka panjang. Pencapaian ini masih memberikan lebih keuntungan sebanyak RM0.03 juta bagi tahun 2020.

Semua entiti yang terlibat bersama Perbadanan pada tahun 2020, telah menunjukkan kerjasama, ketahanan, tanggungjawab dan tekad yang luar biasa dalam mendokong diantara satu sama lain. Saya berterima kasih kepada semua individu yang terlibat dalam perjalanan mencapai kejayaan sehingga kini. Ini tidak mungkin berlaku tanpa komitmen berterusan Ahli Lembaga Pengarah dan dedikasi yang diberi oleh pasukan pengurusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Perbadanan atas usaha dan sumbangan mereka.

Overall, we managed to yield a notable performance, although the overall global environment is experiencing unexpected turmoil from the pandemic hit and the volatility of commodity prices in 2020. On the occasion, we managed to earn a sound total income of RM27.29 million, while the expenditure used was RM27.23 million. Higher operating expenses compared to 2019 are a business investment for long-term returns. This achievement still gives a profit surplus of RM0.03 million for the year 2020.

All entities involved with the Corporation in 2020, have shown extraordinary cooperation, resilience, responsibility and determination in supporting each other. I am grateful to everyone involved in our successful journey to date. It would not have been possible without the constant commitment of our Board of Directors and the dedicated management team. I would also like to express my appreciation to all LGMPC staff for their efforts and contributions.





BAHAGIA PENTAD B DAN SUM MANUSIA

ADMINISTRATION AND HUMAN RESOURCE DIVISION

AN BIRAN MBER




SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCE

Jumlah keseluruhan kakitangan Perbadanan sehingga 31 Disember 2020 adalah seramai 129 orang kakitangan. Berikut adalah senarai bilangan kakitangan mengikut bahagian yang ditempatkan:


The total number of employee in the Corporation as at 31 December 2020 is 129. The following is a list of employees according to their respective division:

Bahagian / Division	Bilangan Kakitangan Number of Employees
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer's Office	4
Pelaburan dan Pembangunan Komersial / Investment and Commercial Development	4
Kewangan & Akaun / Finance and Accounts	4
Pentadbiran & Sumber Manusia / Administration & Human Resource	7
Pengurusan Aset Strategik & Korporat Komunikasi / Strategic Asset Management & Corporate Communication	2
Perolehan / Procurement	2
Pengurusan Hartanah / Property Management	14
Pengurusan Perlindungan (Ibu Pejabat) / Plantation Management (Headquarters)	2
Ladang LGM Pahang Tenggara / LGM Pahang Tenggara Plantation	18
Ladang LGM Panti / LGM Panti Plantation	4
Ladang LGM Penawar / LGM Penawar Plantation	3
Ladang LGM Begia / LGM Begia Plantation	13
Unit G-TAC _R / G-TAC _R Unit	1
Penempatan di LGM / Secondment to MRB	6
Polis Bantuan LGMPC / LGMPC Auxiliary Police	45
Jumlah / Total	129

**Graf 1 / Graph 1**

Pecahan peratusan kakitangan LGMPC mengikut Bahagian dan Unit pada tahun 2020.

Breakdown of LGMPC headcount by Department and Unit for year 2020.



Graf 2 / Graph 2

Graf 2 menunjukkan kumpulan perkhidmatan dalam LGMPC terbahagi kepada 3 kategori iaitu:


- Kumpulan Eksekutif
- Kumpulan Penyelia
- Kumpulan Sokongan

Kumpulan Eksekutif adalah terdiri daripada kumpulan Pengurusan LGMPC manakala kumpulan penyelia adalah yang bertugas untuk menyelia kakitangan bahagian sokongan seperti Penyelia Hartanah, Penyelia Ladang, Pembantu Tadbir Kanan dan Polis Bantuan berpangkat Sarjan. Kumpulan sokongan pula terdiri daripada Pembantu Tadbir, Pembantu Khas, Pembantu Pejabat, Konstabel Polis Bantuan, Pemandu dan Pekerja Am.

Graph 2 indicates LGMPC employment by category. LGMPC employment categorised into three categories:

- Executive
- Supervisor
- Support Group

The executive group consist of LGMPC management team. Supervisor is assigned to supervise the support group. Support group position consist of Properties Supervisor, Plantation/ Field Supervisor, Senior Admin/Account Assistant and Sergeant from Auxiliary Police. While the support group consist of Administration Assistant, Personal Assistant, Office Assistant, Constable of Auxiliary Police, Drivers and General workers.

**Graf 3 / Graph 3**

Graf 3 menunjukkan perantukan penjawatan kakitangan LGMPC adalah terbahagi kepada 4 jenis pelantikan iaitu :

- Tetap
- Kontrak (termasuk lantikan kontrak untuk berkhidmat dengan LGM)
- Kontrak upahan
- Polis Bantuan (berkhidmat di LGM)

Kakitangan tetap seramai 63 orang (49%). Pelantikan secara kontrak seramai 15 orang (11%). Manakala kontrak upahan adalah 6 orang (5%) dan Polis Bantuan seramai 45 orang (35%).

Pada akhir tahun 2020 seramai 45 kakitangan polis bantuan berstatus tetap yang masih berkhidmat secara aktif dengan LGMPC berbanding 48 orang pada tahun 2019. Agihan penjawatan adalah seperti berikut:-

- Penolong Penguatkuasa = 1
- Inspektor = 1
- Sarjan = 4
- Konstabel = 39

Graph 3 shows the appointment of LGMPC employees divided into 4 types :

- Permanent
- Contract of Service (including contract employment with LGM)
- Fixed term contracts employment
- Auxilliary Police (service in LGM)

Number of permanent employees is 63 headcount (49%). Contract employees of 15 headcount, (11%). Whereby, 6 headcount (5%) on fixed term contracts and 45 (35%) headcount of Auxilliary Police.

Year ending 2020, there were 45 Auxilliary Police who still in service with LGMPC compared to 48 headcount in 2019. The distribution of employment are as below:

- Assistant Superintendent Police = 1
- Inspector = 1
- Sergeant = 4
- Constable = 39

PERLANTIKAN BARU

NEW RECRUITMENTS

Pada tahun 2020, seramai 26 orang kakitangan baharu telah dilantik untuk pelbagai jawatan seperti senarai di bawah:

In 2020, a total of 26 new staff have been recruited to various positions as listed below:

Bil	Bahagian/Unit Department/Unit	Jawatan Position	Jumlah Total	Tarikh Date
1.	Pejabat Pengerusi / Chairmans Office	Pegawai Khas / Special Officer	1	17/6/2020
2.	Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer's Office	Pembantu Peribadi / Personal Assistant	1	1/9/2020
		Pegawai Perundangan / Legal Officer	1	17/2/2020
3.	Pentadbiran & Sumber Manusia / Administration & Human Resource	Pembantu Tadbir / Admin Assistant	2	28/1/2020 3/8/2020
4.	Ladang LGM Pahang Tenggara / Ladang LGM Pahang Tenggara	Pengurus Ladang / Estate Manager	1	18/3/2020
5.	Pelaburan & Pembangunan Komersial / Investment and Commercial Development Division	Pembantu Pejabat / Office Assistant	1	3/2/2020
6.	Global Testing and Consultancy for Rubber (G-TACR) / Global Testing and Consultancy for Rubber (G-TACR)	Pembantu Jurutera / Assistant Engineer	1	1/1/2020 – 30/6/2020
		Ahli Kimia / Chemist	1	17/6/2020 – 30/6/2020
		Pembantu Penyelidik / Research Assistant	11	1/1/2020 – 30/6/2020
7.	Penempatan di LGM / Secondment to MRB	Penolong Pengurus Perundangan / Legal Assistant Manager	1	11/2/2020
		Pembantu Tadbir / Admin Assistant	1	10/2/2020
		Pemandu / Driver	1	10/2/2020
		Akauntan / Accountant	2	17/2/2020 1/4/2020
		Pembantu Akauntan / Account Assistant	1	18/5/2020

Kakitangan G-TACR berkhidmat di LGMPC mulai Januari hingga June 2020 dan telah diambil alih semula oleh LGM pada bulan Julai 2020.

G-TACR staff served at LGMPC from January to June 2020 and was taken over by MRB in July 2020.

PERKHIDMATAN KONTRAK KE STATUS JAWATAN TETAP

CONTRACT SERVICES TO PERMANENT STATUS

Dengan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah LGMP, 5 orang kakitangan kontrak telah diserap masuk ke perkhidmatan tetap seperti berikut:

With the approval of LGMP Board of Directors, 5 contract employees has been absorbed as permanent employees as below :

Bil	Bahagian/Unit Department/Unit	Jawatan Position	Jumlah Total	Tarikh Date
1.	Pengurusan Perladangan Ibu Pejabat / Plantation Management Headquarters	Pengurus Kanan (Perladangan) / Senior Manager (Plantation)	1	1/1/2020
2.	Pengurusan Hartanah / Property Management	Pengurus Kanan (Hartanah) / Senior Manager (Properties)	1	1/2/2020
3.	Global Testing and Consultancy for Rubber (G-TACR) / Global Testing and Consultancy for Rubber (G-TACR)	Pengurus Kanan (G-TACR) / Senior Manager (G-TACR)	1	1/3/2020
4.	Ladang LGM Begia / Plantation LGM Begia	Pembantu Tadbir / Admin Assistant	2	1/5/2020
5.	Unit Perolehan / Procurement Unit	Pembantu Tadbir (Perolehan) / Admin Assistant (Procurement)	1	1/7/2020






PENYAMBUNGAN KONTRAK PERKHIDMATAN

EXTENTION OF CONTRACT SERVICES

Dengan kelulusan Pengurusan LGMPC, tujuh orang kakitangan telah disambung kontrak perkhidmatan seperti berikut:

With the approval of LGMPC Management, the contract of service for seven staff have been extended as follows:

Bil	Bahagian/Unit Department/Unit	Jawatan Position	Jumlah Total	Tarikh Date
1.	Pelaburan & Pembangunan Komersial / Investment & Commercial Development	Pengurus Projek Khas / Special Project Manager	2	1/11/2020 - 31/10/2021
2.	Ladang LGM Pahang Tenggara / Ladang LGM Pahang Tenggara	Penolong Pengurus Ladang / Assistant Estate Manager	1	3/8/2020 - 31/7/2021
3.	Ladang LGM Begia / Ladang LGM Begia	Pekerja Am (Keselamatan) / General Workers (Security)	1	1/4/2020 - 31/3/2022
			2	1/11/2020 - 31/10/2022
4.	Ladang LGM Pantii / Ladang LGM Pantii	Pekerja Am (Keselamatan) / General Workers (Security)	1	1/12/2020 - 30/12/2022

**Graf 4 / Graph 4**

Berpandukan pada Graf 4, dari 129 orang kakitangan, seramai 26 orang (20.2%) kakitangan baru telah dilantik, 5 orang (3.9%) kakitangan yang diserap masuk ke jawatan tetap, 7 orang (5.4%) kakitangan disambung kontrak perkhidmatan dan 26 orang (20.2%) kakitangan telah tamat perkhidmatan bersama LGMPC. Kakitangan terlibat adalah seramai 64 orang (49.7%) dari jumlah keseluruhan 129 orang kakitangan LGMPC.

Based on graph 4 out of 129 employees, 26 (20.2%) are newly appointed staff, 5 (3.9%) staff absorbed as permanent staff, 7 (5.4%) contract staff was extended and 26 (20.2%) staff had ended their service with LGMPC. There are 64 (49.7%) staff involved from the total 129 of LGMPC's employees.

PEMBANGUNAN KAKITANGAN

EMPLOYEE DEVELOPMENT

Bertumpukan kepada peningkatan produktiviti, kemahiran dalam teknologi terkini dan pendedahan kepada budaya kerja pro-aktif merupakan penekanan utama dalam program pembangunan kakitangan Perbadanan.

Sejumlah kakitangan telah menyertai program latihan, seminar, persidangan dan sebagainya di sepanjang tahun 2020.

Focusing on increasing productivity, proficiency in the latest technology and exposure to a pro-active working culture has become a primary emphasis in the Corporation's employee development program.

A number of employees have participated in training programs, seminars, conferences throughout 2020.

AKTIVITI SEPANJANG 2020

ACTIVITIES THROUGHOUT 2020

Berikut adalah antara aktiviti yang telah dijalankan oleh Perbadanan sepanjang tahun:

The following are the activities conducted by the Corporation throughout the year:

Bil	Aktiviti Activity	Tempat Place
1.	Lawatan Makmal G-TARCR / G-TARCR Laboratory Visits	Sungai Petani, Kedah
2.	Lawatan Kakitangan / Staff Visits	Ladang LGM Begia Ladang LGM Pantil Ladang LGM Penawar Ladang LGM Pahang Tenggara
3.	Lawatan ke Ladang / Plantation Visits	Ladang LGM Begia Ladang LGM Pantil Ladang LGM Penawar Ladang LGM Pahang Tenggara
4.	Menaiktaraf Bangunan Getah Asli / Upgrading of Bangunan Getah Asli	Bangunan Getah Asli
5.	Kerja-Kerja Membaikpulih LGM PD Lodge / Facelift works at LGM PD Lodge	LGM PD Lodge, Port Dickson
6.	Jamuan Perpisahan KPE & Pembantu Khas / Farewell Lunch for KPE & Personal Assistant (CEO)	Bangunan Getah Asli
7.	Majlis Sambutan Hari Raya LGM & LGMPC / LGM & LGMPC Hari Raya Aidilfitri Celebration	Kompleks Bangunan Getah Asli



BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMB. KOMERSIAL

*INVESTMENT AND COMMERCIAL
DEVELOPMENT DIVISION*





AN ANGUNAN AL

BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMBANGUNAN KOMERSIL

INVESTMENT AND COMMERCIAL DEVELOPMENT DIVISION

Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada November 2017 telah meluluskan penyerahan skop dan aktiviti berkaitan pelaburan dan pembangunan hartanah dan fasiliti LGM serta pengkomersilan dan pemasaran teknologi-teknologi dan produk-produk yang dibangunkan oleh LGM untuk diuruskan oleh LGMPC.

Selaras dengan keputusan ini, Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Komersial (ICD) telah ditubuhkan pada Januari 2018 untuk menerajui pembangunan pelan strategik jangka panjang yang memberi tumpuan kepada pengkomersialan aset-aset yang dimiliki oleh LGM. Penubuhan ICD telah menghasilkan analisa yang telus dan bebas; memberikan perspektif komersil dan tambah nilai; dan memberi penekanan kepada pulangan optimum kepada Perbadanan dan LGM, disamping menggalakkan tadbir urus yang baik.

Penilaian Halatuju Komersil hartanah-hartanah milik LGM telah dilaksanakan bagi mengenalpasti jurang daya saing dan potensinya. Ini termasuk hartanah-hartanah yang terletak di Kuala Lumpur, negeri Selangor dan juga ladang-ladang milik LGM. Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan oleh ICD pada tahun 2020 adalah:

a. Pembangunan Lot 76

Tanah kosong ini terletak di hadapan bangunan Great Eastern Mall, Jalan Ampang. Hartanah ini masih didalam proses tender terbuka untuk pajakan tanah jangka masa panjang.

Sementara itu, lot hartanah ini telah dinaikkan pagar 'hoarding' di sekelilingnya bagi melindungi hartanah ini dari pandangan orang awam dan mengelakkan pencerobohan.



In November 2017, the Malaysian Rubber Board (MRB) approved the submission of scope and activities related to the investment and development of MRB properties and facilities as well as the commercialisation and marketing of technologies and products developed by MRB to be managed by LGMPC.

In line with this decision, the Investment and Commercial Development Division (ICD) was established in January 2018 to spearhead the development of long-term strategic plan focusing on the commercialisation of tangible and intangible assets owned by MRB. The establishment of the ICD generated transparent and independent analysis, provided commercial perspective and value additions to maximise the return to the Corporation and MRB while promoting good corporate governance.

Strategic and commercial review of MRB's properties was conducted to identify its gap and potentials. The review includes all properties located in Kuala Lumpur, Selangor and oil palm and rubber plantation owned by MRB. The key activities carried out by the ICD in 2020 were:

a. Development of Lot 76

This vacant property is located at the front of Great Eastern Mall, Jalan Ampang. Currently the property is still in the process of open tender for a long term lease.

Meanwhile, the property is secure with hoarding fences around it to protect the property from public view and unauthorised access.



b. Global Testing and Consultancy for Rubber (G-TACR)

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di G-TACR pada awal tahun 2020 berjalan dengan baik sejajar dengan halatuju operasi secara komersil yang telah digariskan oleh Lembaga LGM.

Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti di G-TACR berhadapan dengan cabaran sebaik arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan pada bulan Mac 2020 bagi mengekang penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara dan dunia.

Aktiviti-aktiviti utama G-TACR iaitu menjalankan ujian-ujian makmal dan ujian tayar terpaksa dihentikan akibat arahan PKP dikuatkuasakan. Ini memberi kesan yang ketara terhadap hasil pendapatan yang telah diunjurkan.

Setelah kajian semula dilakukan oleh Lembaga LGM terhadap peranan dan tanggungjawab LGMPC kepada G-TACR secara keseluruhannya, Lembaga LGM telah membuat keputusan untuk mengambilalih semula segala pengurusan dan pentadbiran operasi G-TACR, sesuai dengan objektif penubuhannya LGM sebagai institusi yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pengambilalihan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020.

c. Pembangunan Lot 75

Hartanah Lot 75 terletak di simpang Jalan Ampang dan Jalan Jelatek. Ia menempatkan sebahagian dari Pengurusan LGM yang sedang beroperasi dibangunan tersebut dan sebahagian lagi adalah tapak kosong.

Sebahagian dari hartanah ini dicadangkan untuk pembangunan baru atau pajakan.

b. Global Testing and Consultancy for Rubber (G-TACR)

Throughout early 2020 G-TACR activity operations as usual in line with the direction of commercial operations outlined by the MRB Board.

However, G-TACR activities faced challenges as soon as the Movement Control Order (MCO) issued by the Government in March 2020 to curb the spread of the Covid-19 pandemic that hit the country and world.

The main activities of G-TACR, namely conducting laboratory tests and tire testing, had to be put on hold due to the enforcement of MCO the restrictions a significant impact on the projected revenue.

A review by MRB on the role and responsibilities of LGMPC to G-TACR as a whole, The Board in their decision, decided to reinstitute the management and operations of G-TACR, in accordance to objective of MRB establishment roles as research and development (R&D) constitution. The acquisition is effective from 1st June 2020.

c. Development of Lot 75

Lot 75 is located at the junction of Jalan Ampang and Jalan Jelatek junction. Currently part of MRB Management is operating in the building while half of the property is vacant.

This empty land is proposed for a new development or open for lease.





BAHAGI PENGUP PERLAD

PLANTATION MANAGEMENT DIVISION



AN RUSAN ANGAN



LADANG LGM PAHANG TENGGARA

LGM PAHANG TENGGARA PLANTATION



PENGENALAN INTRODUCTION

Ladang LGM Pahang Tenggara terletak di KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur di kawasan perladangan seluas 2,050.14 hektar. Terdiri dari kawasan tanaman getah adalah seluas 1,383.63 hektar dan tanaman kelapa sawit seluas 238.82 hektar menjadikan jumlah keseluruhan kawasan bertanam seluas 1,622.45 hektar. Manakala tapak semaian tanam semula Fasa R4A, R5A, tapak semaian tanaman maxi R5B serta bekalan ranting tunas hijau berkeluasan 12.47 hektar. Lebih 415.22 hektar adalah terdiri dari bangunan, jalan pertanian, kawasan paya dan lain-lain.

Ladang LGM Pahang Tenggara plantation is located at K.M. 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur in plantation area of 2,050.14 hectares. The land consists of 1,383.63 hectares rubber plantation and 238.82 hectares of palm oil plantation. While the replanted nursery phase R4A, R5A, replanted nursery maxi R5B and green shoots supply are with an area of 12.47 hectares. Access land of 415.22 hectares comprises buildings, agriculture roads, swamps and others.

KAKITANGAN PENGURUSAN MANAGEMENT STAFF

Anggota pengurusan Ladang LGM Pahang Tenggara pada tahun 2019 adalah seramai 20 orang seperti dalam senarai berikut :

The management staff of LGM Pahang Tenggara Plantation in 2019 comprises of 20 personnel as listed in the following list:

Kakitangan Pengurusan / Management Staff Ladang LGM Pahang Tenggara

Bil	Jawatan Position	Jumlah Kakitangan No. of Staff
1.	Pengurus Ladang / Plantation Manager	1
2.	Penolong Pengurus Ladang / Plantation Assistant Manager	3
3.	Penyelia Ladang / Plantation Supervisor	3
4.	Penolong Penyelia Ladang / Plantation Assistant Supervisor	3
5.	Pembantu Tadbir / Administration Assistant	2
6.	Pembantu Pejabat / Office Assistant	1
7.	Pemandu/Pembantu Pejabat / Driver/Office Assistant	1
8.	Pembantu Tadbir (Penyelia Keselamatan) / Admin Assistant (Security Supervisor)	1
9.	Pembantu Tadbir (Keselamatan) / Admin Assistant (Security)	3
Jumlah / Total		18

TENAGA KERJA LADANG PLANTATION WORKFORCE

Secara purata, tenaga kerja Ladang LGM Pahang Tenggara pada tahun 2020 adalah seramai 98 orang dimana 82% daripadanya adalah Tenaga Kerja Indonesia (TKI) manakala selebihnya adalah dari negara India, Bangladesh dan pekerja tempatan.

On average, the workforce of the LGM Pahang Tenggara Plantation in 2020 is 98 people of which 82% of them are Indonesian Manpower (TKI) while the rest are from India, Bangladesh and local workers.



GUNA TANAH LAND USE

Jumlah keseluruhan penggunaan tanah yang bertanam adalah 1,622.45 hektar iaitu 79% dari keluasan ladang. Getah merupakan tanaman utama dengan keluasan 1,383.63 hektar iaitu penggunaan sebanyak 85% dari keseluruhan kawasan bertanam. Kawasan tanaman getah matang berusia lebih 20 tahun adalah 409.14 hektar mewakili 44% dan getah muda adalah seluas 530.02 hektar iaitu sebanyak 56%.


Tanaman kelapa sawit merupakan tanaman kedua. Lokasi tanaman adalah dikawasan berpayau yang tidak bersesuaian untuk tanaman getah. Keluasan guna tanah bagi kelapa sawit adalah 238.82 hektar dengan 15% dari keseluruhan tanah bertanam. Kawasan matang yang berusia lebih daripada 25 tahun adalah seluas 167.73 hektar atau 70% dan tanaman sawit bawah 25 tahun adalah 71.09 hektar atau 30%.

The total land use of cultivated land is 1,622.45 hectares, which is 79% of the plantation area. Rubber is the main crop with an area of 1,383.63 hectares, which is 85% of the total planted area. The matured rubber plantation area over 20 years old is 409.14 hectares representing 44% and the young rubber area is 530.02 hectares, which is 56%.

Oil palm is the second crop. The location of the crop is in swampy areas which is not suitable for rubber. The land use area for oil palm is 238.82 hectares, with 15% of the total cultivated land. The mature area over 25 years old is 167.73 hectares or 70%, and under 25 years old oil palm plantation is 71.09 hectares or 30%.

Guna Tanah / Land Use Ladang LGM Pahang Tenggara

Perkara / Description	Hektar Penggunaan		Catatan/Notes
	2020	2019	
Getah Matang (Kawasan Berhasil)	939.43	948.12	Sebahagian 8.69 ha di tanam semula getah & pertambahan kawasan baru matang
Getah Muda	444.20	398.38	
Jumlah kawasan getah (a)	1,383.63	1,346.50	
Sawit Matang (Kawasan Berhasil)	238.82	229.82	Mengikut ukuran UAV
Sawit Muda	—	9.00	
Jumlah kawasan kelapa sawit (b)	238.82	238.82	Mengikut ukuran UAV
Jumlah kawasan tanaman c = (a + b)	1,622.45	1,585.32	
Jalan Pertanian	107.84	136.89	
Paya dan lain-lain	16.67	252.69	
Serah JBA	58.95	58.95	Tiada perubahan
Nursery	12.47	10.60	
Bangunan	5.69	5.69	Tiada perubahan
Jumlah guna tanah lain-lain (d)	427.69	464.82	
Jumlah Guna Tanah Ladang Ibam (c + d)	2,050.14	2,050.14	



PENGELUARAN PRODUCTION

GETAH RUBBER

Pengeluaran hasil getah pada tahun 2020 adalah sebanyak 715.65 tan metrik bersamaan 1,264.69 kg per hektar berbanding pengeluaran hasil pada tahun 2019 iaitu sebanyak 949.71 tan metrik atau 1,030.97 kg per hektar perbezaan sebanyak 24.65%. Penurunan pengeluaran hasil adalah kerana perbezaan pada hektar guna tanah untuk kawasan yang berhasil.

Rubber production in 2020 was 715.65 metric tonnes equivalent to 1,264.69 kg per hectare compared to production output in 2019 of 949.71 metric tonnes or 1,030.97 kg per hectare difference of 24.65%. The decrease in yield production is due to the difference on productive hectares area.

KELAPA SAWIT PALM OIL

Manakala pengeluaran hasil kelapa sawit pada tahun 2020 adalah sebanyak 2,560.05 tan metrik bersamaan 10.72 tan metrik per hektar; berkurangan sebanyak 20% berbanding pengeluaran hasil pada 2019 iaitu sebanyak 3,199.58 tan metrik iaitu 13.92 tan metrik per hektar.

Meanwhile, the production of oil palm in 2020 is 2,560.05 tonnes equivalent to 10.72 tonnes per hectare; a decrease of 20% compared to the production in 2019 that is 3,199.58 or 13.92 metric tonne per hectare.



PENDAPATAN INCOME

GETAH RUBBER

Pendapatan daripada jualan getah pada tahun 2020 adalah sebanyak RM3.15 juta berbanding 4.48 juta pada tahun 2019. Faktor tanam semula dikawasan matang tua telah memberi kesan kepada pendapatan pada tahun 2020.

Revenue from rubber sales in 2020 to RM3.15 million compared to RM4.58 million in 2019. Replanting factors in older mature areas have affected income in 2020.

KELAPA SAWIT PALM OIL

Pendapatan daripada jualan sawit pada tahun 2020 sebanyak RM1.40 juta berbanding RM 1.27 juta pada 2019.

Revenue from palm oil sales in 2020 to RM1.40 million compared to RM 1.27 million in 2019.

GETAH KRIP CREPE RUBBER

Pada tahun akhir tahun 2020, Pusat Memproses Getah telah menjalankan sesi percubaan memproses getah krip. Hasil jualan getah krip percubaan tersebut telah menjana pendapatan RM3,936.07.

At the end of year 2020, Rubber Process Center has conducted a trial session of processing crepe rubber. The proceeds from the sale of the experimental crepe rubber have generated income of RM3,936.07.

JUALAN KAYU GETAH SALE OF RUBBER WOOD

Kerja-kerja tanam semula telah membolehkan perbadanan memperoleh pendapatan dari jualan kayu getah R5B sebanyak RM 2.34 juta.

The replanting process have enabled the Corporation to earn a revenue from the sale of R5B rubber wood for RM 2.34 million.

LAIN-LAIN OTHERS

Lain-lain pendapatan seperti sewaan rumah, jualan dokumen tender dan lain-lain sumber telah menjana pendapatan sebanyak RM0.45 juta berbanding pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM 0.14 juta.

Other income such as house rentals, sales of tender documents and other sources have generated revenue of RM0.45 million compared to 2019 which is RM0.14 million.

PENDAPATAN KESELURUHAN TOTAL REVENUE

Pendapatan keseluruhan Ladang LGM Pahang Tenggara adalah sebanyak RM7.35 juta pada tahun 2020 berbanding sebanyak RM6.02 juta pada tahun 2019 meningkat sebanyak 22%.

Ladang LGM Pahang Tenggara total revenue in 2020 is RM7.35 million compared to RM6.02 million in 2019, an increase of 22%.

PERBELANJAAN KESELURUHAN TOTAL EXPENSES

Perbelanjaan ladang secara keseluruhan telah berkurangan kepada RM5.53 juta pada tahun 2020 berbanding RM5.54 juta pada tahun 2019. Pecahan perbelanjaan terbesar adalah perbelanjaan penyelenggaraan perladangan sebanyak RM2.87 juta dan RM1.37 juta untuk perbelanjaan pengurusan termasuk pengajian.

Total plantation expenditure decreased to RM5.53 million in 2020 compared to RM5.54 million in 2019. The main expenditure is plantation maintenance of RM2.87 million and RM1.37 million for general expenditure including emolument.

LEBIHAN / KURANGAN PENDAPATAN SURPLUS/LOSS OF INCOME

Keuntungan sebanyak RM1.82 juta direkodkan pada tahun 2020, berbanding pada tahun 2019 iaitu RM0.48 juta dengan peningkatan sebanyak RM1.34 juta.

A profit of RM1.82 million was recorded in 2020, compared to 2019, which was at RM0.48 million with an increase for RM1.34 million.

LAIN-LAIN AKTIVITI OTHER ACTIVITIES


Ladang LGM Pahang Tenggara turut melalui proses penambahbaikan melalui audit Pensijilan Kelestarian Kelapa Sawit (MSPO). Pensijilan MSPO diperolehi pada Jun 2020.

LGM Pahang Tenggara Plantation was audited for the Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO). MSPO certification was obtained in June 2020.


Ladang LGM Pahang Tenggara terus menerima pelawat-pelawat dari pelbagai agensi dari masa ke semasa.

LGM Pahang Tenggara Plantation continues to receive visitors from various agencies from time to time.

Ladang LGM Pahang Tenggara (Estates) Pendapatan & Perbelanjaan 2016 - 2020
Revenue And Expenditure 2016 - 2020



Ladang LGM Pahang Tenggara (Estates) Pengeluaran Hasil Tanaman 2016 - 2020 (Tan Metrik)
Yield Production 2016 - 2020 (Metric Tonne)



LADANG LGM BEGIA

LGM BEGIA PLANTATION



PENGENALAN

INTRODUCTION

Ladang LGM Begia terletak di Mukim Sik, Daerah Sik, Kedah Darul Aman. Dibangunkan di lot bernombor 15203 dengan keluasan tanah seluas 1,050.37 hektar dengan tanaman kelapa sawit, getah dan infrastruktur bangunan. LGM Properties Corporation telah mengurus tadbir ladang ini selama 15 tahun.

Ladang LGM Begia is developed on lot number 15203 with a land area of 1,050.37 hectares consist of palm oil and rubber plantation and buildings. LGM Properties Corporation has been managing the plantation for 15 years.

KAKITANGAN PENGURUSAN MANAGEMENT STAFF

Anggota pengurusan Ladang LGM Begia pada tahun 2020 adalah seramai 14 orang seperti dalam senarai berikut :

The management staff of LGM Begia Plantation in 2020 comprises of 14 personnel as listed below:

Kakitangan Pengurusan / Management Staff Ladang LGM Begia

Bil	Jawatan Position	Jumlah Kakitangan No. of Staff
1.	Pengurus Ladang / Plantation Manager	1
2.	Penolong Pengurus Ladang / Plantation Assistant Manager	0
3.	Penyelia Ladang / Plantation Supervisor	2
4.	Penolong Penyelia Ladang / Plantation Assistant Supervisor	2
5.	Pembantu Tadbir / Administration Assistant	2
6.	Pemandu/Pembantu Pejabat / Driver/Office Assistant	2
7.	Pembantu Tadbir (Penyelia Keselamatan) / Admin Assistant (Security Supervisor)	1
8.	Pekerja Am (Keselamatan) / General Workers (Security)	4
Jumlah / Total		14

TENAGA KERJA LADANG PLANTATION WORKFORCE

Purata bilangan tenaga kerja Ladang LGM Begia sepanjang tahun 2020 adalah seramai 16 orang dimana 50% daripadanya adalah pekerja tempatan, 44% tenaga kerja Indonesia dan 6% adalah warganegara Bangladesh. Tenaga kerja ladang ditugaskan untuk menjalankan pelbagai operasi kerja untuk penajaan hasil dan penyelenggaraan ladang.

The average number of LGM Begia Plantation workforce in 2020 is 16 people of which 50% are local workers, 44% Indonesian workforce and 6% are Bangladeshi. They carry out various farm operations for revenue generation and farm maintenance. The plantation workforce is assigned to carry out various operation works for crops production and plantation maintenance.

GUNA TANAH LAND USE

Keluasan keseluruhan kawasan Ladang LGM Begia adalah 1,050.37 hektar yang mana, 789.15 hektar merupakan kawasan tanaman yang meliputi seluas 743.10 hektar tanaman kelapa sawit dan seluas 46.05 hektar tanaman getah. Baki keluasan tanah seluas 261.22 hektar adalah terdiri daripada bangunan, jalan pertanian ladang dan tanah usaha.

Hampir keseluruhan tanaman kelapa sawit telah menjangkau usia tua dan bakal dijadualkan untuk pembangunan tanam semula.

The total area of LGM Begia Plantation is 1,050.37 hectares of which, 789.15 hectares is a crop area covering an area of 743.10 hectares of oil palm and an area of 46.05 hectares of rubbers. The remaining 261.22 hectares are of buildings, agriculture roads and work land.

Almost all oil palm crops have reached prime production age and scheduled for replanting development.

Guna Tanah / Land Use LGM Begia Plantation

Perkara/Description	Hektar Penggunaan
	2020
Getah Muda	46.05
Sawit Matang (Kawasan Berhasil)	743.10
Jumlah kawasan tanaman	789.15
Jalan Pertanian/ Bangunan dan Paya	261.22
Jumlah Guna Tanah Ladang Begia	1,050.37



PENGELUARAN PRODUCTION

GETAH RUBBER

Tanaman getah telah mula dipajakkan untuk penjana hasil kepada LGMPC.

Rubber plantations have started to be leased for revenue generation to LGMPC.

KELAPA SAWIT PALM OIL

Hasil kelapa sawit buah tandan segar (BTS) pada tahun 2020 menurun sebanyak 34.05% iaitu 4,302.24 tan metrik berbanding 6,531.74 tan metrik pada tahun 2019.

The yield of fresh fruit bunches (BTS) in 2020 decreased by 34.05%, which is 6,531.74 tonnes compared to 6,531.74 tonnes in 2019.

Faktor pokok yang telah tua dan tinggi, pandemik Covid-19 dan masalah tenaga kerja ladang menjadi penyebab utama kepada kejatuhan hasil walaupun purata harga komoditi minyak sawit mentah (MSM) berada pada purata harga yang tinggi.

The ageing trees, Covid-19 pandemic and lack of workers were among the factors leading the cause of the fall in revenue even though the average price of crude palm oil (CPO) commodity was at the highest rate.



PENDAPATAN REVENUE

KELAPA SAWIT PALM OIL

Pendapatan daripada jualan kelapa sawit pada tahun 2020 adalah sebanyak RM2.20 juta berbanding RM2.58 juta pada tahun 2019 dengan penurunan sebanyak 14.72%. Ini adalah kerana kemerosotan hasil berbanding dari tahun sebelumnya.

Revenue from oil palm sales in 2020 was RM2.20 million compared to RM2.58 million in 2019 a decrease of 14.72%. This is due to a decline in revenue compared to the previous year.

LAIN-LAIN OTHERS

Lain-lain pendapatan seperti pajakan ladang getah, jualan dokumen tender dan lain-lain sumber telah menjana pendapatan sebanyak RM0.10 juta berbanding pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM0.09 juta.

Other income such as lease, rentals, sales of tender documents and other sources have generated income of RM0.10 million compared to 2019 which is RM0.09 million.



PENDAPATAN KESELURUHAN TOTAL REVENUE

Pendapatan keseluruhan Ladang Begia pada tahun 2020 adalah sebanyak RM2.30 juta berbanding RM2.68 juta pada tahun 2019 dengan peratus penurunan sebanyak 14.18%.

Ladang Begia revenue for the year 2020 was RM2.30 million compared to RM2.68 million in 2019 with a percentage decrease of 14.182%.

PERBELANJAAN KESELURUHAN TOTAL EXPENSES

Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan Ladang Begia adalah sebanyak RM2.40 juta berbanding pada tahun 2019 berjumlah RM2.69 juta, 10.78% kurang dari tahun sebelumnya.

Begia Plantation total expenditure was RM2.40 million, compared to 2019 amounted to RM2.69 million, 10.78% less than the year before.

LEBIHAN / KURANGAN PENDAPATAN SURPLUS/LOSS OF INCOME

Ladang Begia tidak memperoleh lebih pendapatan bagi tahun 2020, ladang telah mengalami kerugian sebanyak RM 0.10 juta. Faktor ini adalah kerana pengeluaran BTS yang tidak memberangsangkan serta kesan dari pandemik Covid-19 yang melanda dimana turut memberi kesan kepada bekalan tenaga kerja ladang.


For the year 2020 Begia Plantation encounter losses of RM0.10million. The losses are due to low operational production as well as the effects of Covid-19 pandemic which also affected the supply of plantation workers.

LAIN-LAIN AKTIVITI OTHER ACTIVITIES


Ladang Begia turut melalui proses penambahbaikan melalui audit Pensijilan Kelestarian Kelapa Sawit (MSPO). Pensijilan MSPO diperolehi pada Jun 2020.

Ladang Begia also underwent an improvement process through the Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) audit. MSPO certification was obtained in June 2020.

Ladang LGM Begia (Estates) Pendapatan & Perbelanjaan 2016 - 2020
Revenue and Expenditure 2016 - 2020



Ladang LGM Begia(Estates) Pengeluaran Hasil Tanaman 2016 - 2020 (Tan Metrik)
Yield Production 2016 - 2020 (Metric Tonne)



LADANG LGM PENAWAR

LGM PENAWAR PLANTATION



PENGENALAN INTRODUCTION

Ladang LGM Penawar terletak di Bandar Penawar, Mukim Pantai Timur, Daerah Kota Tinggi, Johor yang berkeluasan seluas 185.02 hektar. Ladang ini telah memulakan operasi sejak Julai 2005.

Sepanjang tahun 2020 operasi perladangan berjalan seperti biasa termasuk dari segi pengurusan pentadbiran yang masih kekal di bawah penyeliaan Pejabat di Ladang LGM Panti.

LGM Penawar Plantation is located in Bandar Penawar, Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi District, Johor which covers an area of 185.02 hectares. The plantation has been in operation since July 2005.

Throughout the year of 2020, the operation activities remained the same including the administrative, which is under the supervision of LGM Panti Office.

KAKITANGAN PENGURUSAN MANAGEMENT STAFF

Anggota pengurusan Ladang LGM Penawar pada tahun 2020 adalah seramai 3 orang seperti dalam senarai berikut di bawah:

The management staff of LGM Penawar Plantation in the year 2020 comprises of 3 personnel as listed below:

Kakitangan Pengurusan / Management Staff Ladang LGM Penawar

Bil	Jawatan Position	Jumlah Kakitangan No. of Staff
1.	Penolong Penyelia Ladang / Plantation Assistant Supervisor	1
2.	Pemandu/Pembantu Pejabat / Driver/Office Assistant	1
3.	Pekerja Am (Keselamatan) / General Workers (Security)	1
Jumlah / Total		3

TENAGA KERJA LADANG PLANTATION WORKFORCE

Purata tenaga kerja di Ladang LGM Penawar seramai 14 orang pekerja yang terdiri daripada Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Pekerja ini menjalankan aktiviti penuaian, pemangkasan pelepah, membaja, meracun, penjagaan ladang dan lain-lain.

The average workforce at LGM Penawar Plantation is 14 workers which consists of Indonesian Workers (TKI). These workers carry out in harvesting, frond pruning, fertilization, pesticides, plantation maintenance and others.




GUNA TANAH LAND USE

Luas guna tanah adalah 185.02 hektar di mana 155.61 hektar ditanam dengan kelapa sawit matang berusia 16 tahun, manakala bakinya seluas 29.41 hektar adalah kawasan bangunan/pejabat dan sebagainya.

The land-use area is 185.02 hectares where 155.61 hectares were planted with palm oil, while the remaining 29.41 hectares are building / office area and others.

Guna Tanah / Land Use Ladang LGM Penawar

Bil	Perkara Description	Hektar Penggunaan 2020 Hectares Consumption 2020
1.	Sawit Matang (Kawasan Berhasil)	155.61
2.	Jumlah kawasan tanaman	155.61
3.	Jalan Pertanian, Bangunan dan lain-lain	29.41
4.	Jumlah Guna Tanah Ladang Penawar	185.02



PENGELUARAN *PRODUCTION*

KELAPA SAWIT *PALM OIL*

Pengeluaran hasil Buah Tandan Segar (BTS) mencatatkan kenaikan sebanyak 14.61% dari 3,044.41 tan metrik pada tahun 2019 kepada 3,489.32 tan metrik pada tahun 2020. Purata pengeluarannya meningkat kepada 22.42 tan metrik per hektar berbanding dengan 19.56 tan metrik per hektar pada tahun sebelumnya.

Production of Fresh Fruit Bunch (FFB) recorded an increase of 14.61% from 3,044.41 metric tonnes in 2019 to 3,489.32 metric tonnes in 2020. The average production surge to 22.42 metric tonnes per hectare compared to 19.56 metric tonnes per hectare in the previous year.



PENDAPATAN REVENUE

KELAPA SAWIT PALM OIL

Susulan dari peningkatan pengeluaran hasil, secara tidak langsung hasil pendapatan Ladang LGM Penawar juga turut meningkat sebanyak 54.63% iaitu RM1.95 juta pada tahun 2020 dari RM1.26 juta pada tahun 2019. Kenaikan harga komoditi kelapa sawit yang tinggi pada suku akhir 2020 menjadi faktor utama peningkatan hasil.

Following the increase in production, indirectly the revenue of LGM Penawar Plantation also show an increase of 54.63% to RM1.95 million in 2020 from RM1.26 million in 2019. The upsurge of oil palm commodity prices in the last quarter of 2020 is the main factor of the growth in revenue.

PERBELANJAAN EXPENDITURE

Perbelanjaan bagi tahun 2020 mencatatkan kenaikan sebanyak 18.56% iaitu sebanyak RM0.69 juta berbanding tahun 2019 sebanyak RM0.64 juta. Kenaikan ini adalah kerana kenaikan kos penyelenggaraan ladang dan upah iaitu dari RM0.40 juta pada 2019 kepada 0.58 juta bagi tahun 2020 atau RM216.67 per tan metrik pada tahun 2020 dari RM209.45 per tan metrik pada tahun 2019.

Expenditure for 2020 recorded an increase of 18.56% for RM0.69 million compared to 2019 for RM0.64 million. The increase is due to increase in cost of plantation activities and wages which is for RM0.40 million in 2019 to 0.58 million for 2020 or RM216.67 per metric tonne in 2020 from RM209.45 per metric tonne in 2019.

LEBIHAN / KURANGAN PENDAPATAN SURPLUS/LOSS OF INCOME

Ladang LGM Penawar telah memperolehi lebih pendapatan sebanyak RM1.19 juta pada tahun 2020 berbanding RM0.62 juta pada 2019 iaitu dengan kadar peningkatan sebanyak 91.45%.

LGM Penawar Plantation has earned a surplus of RM1.19 million in 2020 compared to RM0.62 million in 2019 with an increase rate of 91.45%.

PENYELENGGARAAN LADANG PLANTATION MAINTENANCE

Dalam tahun 2020, bagi operasi kerja penjagaan ladang, pengurusan ladang masih mengekalkan dengan kaedah tiga pusingan untuk meracun bulatan dan dua pusingan untuk meracun anak kayu dan lalang dengan memberi tumpuan kepada amalan pertanian yang terbaik. Bagi kerja-kerja pembajaan pula, sebanyak 7 pusingan telah dijalankan.


In 2020, plantation maintenance and operation, the plantation management still maintained with three rounds of weeding on circles method and two rounds for saplings and weeds with good agricultural practices. As for the fertilization work, a total of 7 rounds were carried out.

LAIN-LAIN AKTIVITI OTHER ACTIVITIES


Ladang LGM Penawar telah melalui proses penambahbaikan melalui Audit Pensijilan Kelestarian Kelapa Sawit (MSPO) dan pensijilan MSPO diperolehi pada Jun 2020.

LGM Penawar Plantation also underwent an improvement process through the Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) audit. MSPO certification was obtained in June 2020.

Ladang LGM Penawar (Plantation) Pendapatan & Perbelanjaan 2016-2020
Revenue and Expenditure 2016 - 2020



Ladang LGM Penawar (Estates) Pengeluaran Hasil Tanaman 2016 - 2020 (Tan Metrik)
Yield Production 2016 - 2020 (Metric Tonne)



LADANG LGM PANTI

LGM PANTI PLANTATION



PENGENALAN INTRODUCTION

Ladang LGM Panti terletak di Kota Tinggi, Mukim Kota Tinggi, Daerah Kota Tinggi, Johor. Mula beroperasi pada Disember 2004 dengan keluasan 133.93 hektar. Ladang LGM Panti turut bertanggungjawab mentadbir urus operasi di Ladang LGM Penawar.

LGM Panti Plantation is located in Kota Tinggi, Mukim Kota Tinggi, Kota Tinggi District, Johor. The plantation started its operations in December 2004 with an area of 133.93 hectares. Ladang LGM Panti is also responsible for administering operations at LGM Penawar Plantation.



KAKITANGAN PENGURUSAN MANAGEMENT STAFF

Kakitangan Ladang LGM Panti pada tahun 2020 adalah seramai 4 orang seperti dalam senarai berikut di bawah:

Staff of LGM Panti Plantation in 2020 comprises of 4 personnel as the following list:

Kakitangan Pengurusan / Management Staff Ladang LGM Panti		
Bil	Jawatan Position	Jumlah Kakitangan No. of Staff
1.	Penolong Penyelia Ladang / Plantation Assistant Supervisor	1
2.	Pembantu Takbir / Admin Assistant	2
3.	Pekerja Am (Keselamatan) / General Workers (Security)	1
Jumlah / Total		4

TENAGA KERJA LADANG PLANTATION WORKFORCE

Purata tenaga kerja Ladang LGM Panti adalah seramai 10 orang yang terdiri daripada Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Pekerja ini menjalankan aktiviti penuaian, pemangkasan pelepah, membaja, meracun, penjagaan ladang dan lain-lain.

The average workforce of LGM Panti Plantation is 10 people consisting of Indonesian Workers (TKI). The workers engaged in harvesting, frond pruning, fertilization, pesticides, plantation maintenance and others.




GUNA TANAH LAND USE

Luas guna tanah masih lagi kekal dengan keluasan yang sama iaitu 133.93 hektar di mana 119.69 hektar ditanam dengan kelapa sawit, manakala baki selebihnya seluas 14.24 hektar adalah kawasan bangunan/pejabat, buah-buahan, kawasan paya dan sebagainya.

The land use area still remains the same area of 133.93 hectares where 119.69 hectares are planted with oil palm, while the remaining 14.24 hectares are building / office areas, fruits, swamps and others.

Guna Tanah / Land Use Ladang LGM Panti

Bil	Perkara Description	Hektar Penggunaan 2020 Hectares Consumption 2020
1.	Sawit Matang (Kawasan Berhasil)	119.69
2.	Jumlah kawasan tanaman	119.69
3.	Jalan Pertanian, Bangunan dan lain-lain	14.24
4.	Jumlah Guna Tanah Ladang Panti	133.93



PENGELUARAN *PRODUCTION*

KELAPA SAWIT *PALM OIL*

Pengeluaran hasil Buah Tandan Segar (BTS) Ladang LGM Panti bagi tahun 2020 mencatatkan kenaikan sebanyak 11.92% kepada 3,387 tan metrik berbanding 3,026.34 tan metrik pada tahun 2019. Purata pengeluaran adalah 28.30 tan metrik per hektar berbanding 25.28 tan metrik per hektar pada tahun 2019.

The Plantation Fresh Fruit Bunches (FFB) of LGM Panti Plantation for 2020 recorded an increase of 11.92% to 3,387 metric tonnes compared to 3,026.34 metric tonnes in 2019. The average production was 28.30 metric tonnes per hectare compared to 25.28 metric tonnes per hectare in 2019.



PENDAPATAN REVENUE

KELAPA SAWIT PALM OIL

Jualan BTS mengalami kenaikan sebanyak 48.99% iaitu RM1.89 juta pada tahun 2020 daripada RM1.27 juta pada tahun 2019. Kenaikan harga komoditi kelapa sawit yang tinggi pada suku akhir 2020 menjadi faktor utama peningkatan hasil.

FFB revenue increased by 48.99% to RM1.89 million in 2020 from RM1.27 million in 2019. The upsurge of palm oil commodity prices in the last quarter of 2020 is the main factor of the growth in revenue.

PERBELANJAAN EXPENDITURE

Perbelanjaan bagi tahun 2019 menunjukkan penurunan sebanyak 6.24% berjumlah RM0.72 juta yang dibelanjakan untuk penyelenggaraan ladang berbanding RM0.76 juta pada tahun sebelumnya.

Expenditure for 2019 showed a decrease of 6.24% amounting to RM0.72 million spent on plantation maintenance compared to RM0.76 million in the previous year.

Kos penghasilan kelapa sawit juga menurun kepada RM211.18 per tan metrik dari RM252.09 per tan metrik pada tahun 2019.

The cost of oil palm production also decreased to RM211.18 per metric tonne from RM252.09 per metric tonne in 2019.

LEBIHAN / KURANGAN PENDAPATAN SURPLUS/LOSS OF INCOME

Ladang LGM Panti telah memperolehi lebih pendapatan sebanyak RM1.18 juta pada tahun 2020 berbanding RM0.51 juta pada tahun 2019 iaitu dengan perbezaan sebanyak 131.83%.

LGM Panti Plantation has earned a profit of RM1.18 million in 2020, compared to RM0.51 millions in 2019 an upsurge of 131.84%.

PENYELENGGARAAN LADANG PLANTATION MAINTENANCE

Pada tahun 2020, untuk kerja penjagaan ladang, pengurusan ladang telah menjalankan aktiviti penyelenggaraan iaitu dua pusingan untuk meracun bulatan, dua pusingan untuk meracun anak kayu dan lalang, enam pusingan bagi kerja-kerja pembajaan serta satu pusingan untuk kerja-kerja pemangkasan pelepah. Amalan pertanian terbaik menjadi praktis utama kakitangan dalam menjalankan aktiviti di ladang.


In 2020, for plantation maintenance, the plantation management has carried out maintenance activities such as two rounds of weeding on circles method, two rounds for saplings and weeds, six round of fertilization and one round of frond pruning. Best agricultural practices is the main priority by the staff in performing plantation activities.

LAIN-LAIN AKTIVITI OTHER ACTIVITIES


Ladang LGM Panti telah melalui proses penambahbaikan melalui Audit Pensijilan Kelestarian Kelapa Sawit (MSPO) dan pensijilan MSPO diperolehi pada Jun 2020.

LGM Panti Plantation also underwent an improvement process through the Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) audit. MSPO certification was obtained in June 2020.

Ladang LGM Panti (Plantation) Pendapatan & Perbelanjaan 2016 - 2020
Revenue and Expenditure 2016-2020



Ladang LGM Panti (Plantation) Pengeluaran Hasil Tanaman 2016 - 2020
Yield Production 2016 - 2020





BAHAG PENGU HARTAI

PROPERTY MANAGEMENT DIVISION

IAN RUSAN NATH



PENGENALAN

INTRODUCTION

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) bertanggungjawab ke atas pengurusan 61 buah hartanah komersil milik Lembaga Getah Malaysia (LGM). Ini adalah termasuk sebuah Kompleks KBGA (yang mengandungi 2 blok bangunan pejabat serta kemudahan fasiliti, banglo-banglo lama, sebuah apartment (48 unit), 29 unit rumah teres dan tanah kosong) yang terletak di Semenanjung Malaysia serta Negeri Sabah dalam tahun 2020.

The Properties Management Division (PMD) is responsible for the management of 61 commercial properties owned by the Malaysian Rubber Board (MRB). These include KBGA Complex (consist of 2 blocks of office buildings and facilities, old bungalows, an apartment (48 units), 29 terrace houses and vacant lands) located in Peninsular Malaysia and Sabah during the year 2020.





PRESTASI KESELURUHAN

OVERALL PERFORMANCE

BPH menyumbang sebanyak RM7.19 juta kepada pendapatan keseluruhan Perbadanan, berbanding RM7.65 juta pada tahun 2019 dengan penurunan 6.3%.

Daripada jumlah tersebut, 49.4% telah diperolehi dari hasil kutipan sewaan ruang pejabat di KBGA, 31.5% dari sewaan lain-lain hartanah komersil (banglo-banglo lama, apartment, rumah teres dan lain-lain). Manakala selebihnya sebanyak 19.1% adalah pendapatan daripada hasil penyewaan Elektronik 'Billboard' (EBB), 'Pylon Signage', sewaan fasiliti seperti dewan-dewan, ruang tempat letak kereta dan lain-lain.

Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2020 sebanyak RM5.01 juta dengan peningkatan sebanyak 7.3% dari perbelanjaan pada tahun 2019 iaitu RM4.67 juta.

PMD contributed RM7.19 million to the Corporation's revenue, compared to RM7.65 million in 2019, a decrease of 6.3%.

Of the total, 49.4% was derived from the rental of office spaces at KBGA, 31.5% from the rental of other commercial properties (old bungalows, apartment, terrace houses and others). The remaining 19.1% is derived from the rental of Electronic BillBoard (EBB), Pylon Signage, the rentals of facilities such as halls, parking bays and others.

Total expenditure for 2020 is RM5.01 million with an increase of 7.3% compared to expenses in 2019 at RM4.67 million.

KOMPLEKS BANGUNAN GETAH ASLI (KBGA)

KOMPLEKS BANGUNAN GETAH ASLI COMPLEX (KBGA)

PENYEWAAN TENANCY

Pada tahun 2020, jumlah ruang lantai yang boleh disewakan di KBGA ialah seluas 69,686 kaki persegi atau 42% daripada jumlah ruang lantai bersih keseluruhan iaitu 166,282 kaki persegi.

Terdapat keseluruhan 31 senarai penyewa di KBGA bagi tahun 2020 dimana ianya termasuk penyewaan di ruang pejabat, kafetaria, tapak telekomunikasi, ruang iklan dan kiosk.

Jumlah pendapatan dari sewaan pejabat di KBGA pada tahun 2020 adalah sebanyak RM3.56 juta berbanding RM3.85 juta pada tahun 2019 menurun sedikit sebanyak 7.7%.

Kutipan daripada fasiliti di KBGA termasuk dewan teater, bankuasi, persidangan, tapak promosi, gelanggang futsal dan pelbagai adalah sebanyak RM0.12 juta pada tahun 2020 berbanding RM0.58 juta pada tahun 2019 iaitu menurun sebanyak 79.5%. Ianya terkesan akibat pandemik Covid-19 dimana fasiliti tersebut tidak dapat disewakan disepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawal Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada tahun 2020.

Pandemik Covid-19 juga memberi impak kepada hasil kutipan daripada ruang tempat letak kereta dimana hasil pada tahun 2020 adalah RM0.47 juta berbanding RM0.68 juta pada tahun 2019 iaitu menurun sebanyak 30.9%.

Walaupun sewaan daripada iklan (Electronic Bill Board dan Pylon Signage) telah meningkat sedikit pada tahun 2020 dengan pendapatan sebanyak RM0.52 juta berbanding RM0.34 juta pada tahun 2019 iaitu sebanyak 52.9%.

During the year, total tenantable floor space at KBGA is 69,686 sq ft or 42% of the entire floor space of 166,282 sq ft.

There are 31 tenants were secured for year 2020 from the tenancy of office spaces, cafeteria, telecommunication fittings space, advertising space and kiosk.

Total revenue from KBGA office space rental in 2020 is RM3.56 million compared to RM3.85 million in 2019, a decrease of 7.7%.

Rental collection for facilities in KBGA includes theater hall, banquet hall, conference hall, promotion space, futsal court and others are RM0.12 million in 2020 compares to RM0.58 million in 2019 a decrease of 79.5%. The decrease is caused by the Covid-19 pandemic where the facilities are unable for rent due to Movement Control Order (MCO) and Conditional Movement Order (CMCO) in year 2020.

The Covid-19 pandemic had caused an impact to the collection of parking space where the collection for year 2020 is stood only for RM0.47 million compared to RM0.68 million in 2019, a decrease of 30.9%.

Rental from advertisement segment (Electronic Bill Board and Pylon Signage) in 2020 is slightly increase to RM0.52 millions compared to year 2019 by 52.9%.



LAIN- LAIN HARTANAH KOMERSIAL

OTHER COMMERCIAL LAND

PENYEWAAN TENANCY

Terdapat 60 premis komersil lain yang diuruskan oleh BPH pada 2020. Hartanah ini menghasilkan jumlah pendapatan sebanyak RM2.26 juta berbanding RM2.20 juta pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 2.8%.

Hasil kutipan sewa dari hartanah komersil lain ini mencatatkan sedikit kenaikan kerana kadar sewaan 29 unit rumah teres telah 100% diduduki dan perubahan pada kadar sewa yang dikenakan.

There are 60 other commercial premises managed by the PMD in 2020. These commercial properties generated total revenue of RM2.26million an increase of 2.8% from RM2.20 million in 2019.

The revenue from these other commercial properties recorded a slight increase as the rental rate of 29 units of terrace houses is 100% occupied and due to the revised rental rate charged

PENYELENGGARAAN DAN KONTRAK SERVIS MAINTENANCE & CONTRACT OF SERVICE

Kontrak perjanjian bagi semua perkhidmatan bangunan seperti perkhidmatan mekanikal & elektrik, sivil dan 'house keeping' bagi tahun 2020 kekal sama seperti tahun sebelumnya. Prestasi dan perkhidmatan yang telah diberikan pihak kontraktor adalah memuaskan.

Contracts for all building services such as mechanical & electrical, civil and housekeeping services for 2020 remain the same as the previous year. The performance and services provided by the contractors are satisfactory.

Pada tahun 2020, pengurusan dan penyeliaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil di KBGA, telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

For year 2020, the management and supervision of maintenance and minor repairs works is executed as follows:

Bil	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil <i>Maintenance & Minor Repairs Works</i>	Kos Cost
1.	Kerja membekal dan memasang 8 unit 'AC crossflow fan' untuk lift BGA (Menara) dan 1 unit 'exhaust fan' untuk lift BGA. <i>Supply and install 8 units of 'AC crossflow fan' for BGA lift (Tower) and 1 unit of 'exhaust fan' for BGA lift</i>	6,920.00
2.	Membekal peralatan sistem audio untuk Dewan Bankuasi menggantikan yg rosak di BGA (Menara). <i>Audio system equipment supply for Banquet Hall to replace malfunction equipment at BGA (Tower).</i>	5,340.00
3.	Membekal & memasang pendingin udara jenama Daikin jenis floor standing utk pengerusi LGM tingkat 18 (Menara). <i>Supply and install Daikin Airconditioner floor standing type for MRB Chairman at Level 18 (Tower).</i>	9,950.00
4.	Membekal serta memasang 1 unit submersible pump & pokok hiasan di café LGM, BGA. <i>Supply and install 1 unit submersible pump and decoration tree at MRB Café, BGA.</i>	2,400.00
5.	Baikpulih pejabat BPP di tingkat 14 BGA (Menara). <i>Restoration works at BPP office on 14th floor of BGA (Tower).</i>	34,505.00
6.	Baikpulih lantai lobi tingkat 12, dan paip G.I. di basement 1 tempat letak kereta KBGA. <i>Restoration works at Level 12th lobby and G.I. pipe at Basement 1 car park in KBGA.</i>	4,971.60
7.	Membekal dan memasang peralatan P.A sistem untuk Dewan Theaterrete Tingkat 2 BGA (Menara). <i>P.A system equipment supply and install for Theaterrette Hall in Level 2 BGA (Tower).</i>	4,770.00
8.	Kerja membuat pendawaian serta membekal dan memasang 2 unit camera CCTV lengkap dengan aksesori untuk Bilik Gelap LGM di Tingkat 3 BGA (Menara). <i>Wiring, supply and installation of 2 unit CCTV camera with complete accessories for LGM Dark Room at Level 3 BGA (Tower).</i>	7,300.00
9.	Mengganti chiller no.1 yang telah rosak di dalam bilik chiller tingkat atas parking kereta KBGA. <i>Malfunction chiller no.1 replacement in Chiller Room on the upper level of KBGA car park building.</i>	9,700.00

Bil	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil <i>Maintenance & Minor Repairs Works</i>	Kos Cost
10.	Memohon meter elektrik 3 fasa tingkat 7, Ketua Unit Audit Dalaman LGM, BGA (Menara). <i>3 phase electric meter application for level 7, MRB Ketua Unit Audit Dalaman, BGA (Tower).</i>	19,500.00
11.	Kerja-kerja membekal, menghantar dan memasang 'Tap Off Unit Square D' 100 AMP lengkap dengan 'Shut Trip' Di Tingkat 12 dalam bilik Riser Elektrik, BGA (Menara) <i>Supply, deliver and install 'Tap Off Unit Square D' 100 AMP complete with 'Shut Trip' at Level 12th in Electrical Riser Room, BGA (Tower).</i>	6,430.00
12.	Memohon meter eletrik 3 fasa 60amp, membuat pendawaian kabel serta memasang kotak agihan (DB) dan mengalihkan pendawaian sedia ada ke kotak agihan (DB) baru di tingkat 13S.W untuk Unit UKK LGM, BGA (Menara). <i>3 phase 60amp electric meter application, cable wiring, installation of Distribution Board (DB) and relocation of existing wiring to new DB at Level 13 S.W for UKK, MRB, BGA (Tower).</i>	16,050.00
13.	Membina dinding batu-bata 'bundwall' tangki diesel di Bilik Generator Tunggu Sedia tingkat atas parkir kereta di KBGA. <i>Build a 'bundwall' brick wall at diesel tank in Generator Ready Room on upper level of car park in KBGA.</i>	4,900.00
14.	Pemasangan condenser fan motor di bilik AHU Tingkat 2 BGA dan penggantian belting di BGA (Menara). <i>Fan motor installation in AHU room condenser at Level 2 BGA and Belting replacement at BGA (Tower).</i>	3,250.00
15.	Pemasangan Sistem karbon dioksida (CO2) untuk Bilik Gelap LGM di Tingkat 3 BGA (Menara). <i>CO2 carbon dioksida system installation for MRB Dark Room in Level 3 BGA (Tower).</i>	12,930.00




LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2020

Bagi tahun 2020, berdasarkan laporan dan aduan yang diterima daripada penyewa hartanah komersil lain, langkah-langkah pembaikan yang diperlukan dan kerja-kerja pemulihan ke atas bangunan yang terpilih telah dilaksanakan. Penyeliaan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kecil telah dijalankan seperti berikut:

For year 2020, based on reports and complaints received from other commercial properties tenant, repairs and restoration works have been done to cited commercial properties. The supervision of the maintenance and minor repair works as per listed:

Bil	Kerja-Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil <i>Maintenance & Minor Repairs Works</i>	Kos Cost
1.	Kerja menukar bumbung dan pembaikan kecil di Banglo LGM Tanah Merah Kelantan <i>Roof replacement and minor repair at LGM bungalow in Tanah Merah Kelantan.</i>	4,925.00
2.	Kerja pemangkasan pokok di kawasan pagar banglo No.3 Jalan Eaton 9, Persiaran Stonor, KL. <i>Trees trimming on fence at bungalow No.3, Jalan Eaton 9, Persiaran Stonor, KL.</i>	4,800.00
3.	Menyelenggara tangki agihan air untuk blok B dan C serta memasang paip untuk tempat buang sampah & air loji kumbahan Apartment Bandar Penawar, Johor. <i>Water distribution tanks maintenance works for blocks B and C and installing pipes for garbage disposal area & sewage water plant in Bandar Penawar Apartment, Johor.</i>	3,640.00
4.	Kerja menukar tangki air jenis polly di kuarters LGM No.30 Jalan Surian 10, Taman Desaru Utama, Bandar Penawar, Johor. <i>Polly type water tanks replacement at LGM quarters, No.30 Jalan Surian 10, Taman Desaru Utama, Bandar Penawar, Johor.</i>	2,069.00
5.	Kerja-kerja membaikpulih siling dan bumbung di rumah LGM Kuala Terengganu. <i>Ceiling and roof refurbishment at LGM house in Kuala Terengganu.</i>	25,056.00
6.	Membuat pendawaian semula 3 fasa untuk 1 unit rumah kuarters Pegawai LGM di Penawar Kota Tinggi, Johor. <i>3 phase wiring works for 1 unit quarters of MRB Officer in Penawar, Kota Tinggi, Johor.</i>	15,504.00



KERJA MENAIK TARAF UPGRADING WORKS

Bagi tahun 2020, BPH telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih KBGA di mana perantikan konsultan Veritas Architects Sdn Bhd dan Veritas Environment Service Sdn Bhd telah dibuat bagi melaksanakan kerja-kerja rekabentuk sivil & struktur dan mekanikal & elektrik. Projek ini akan dibiaya sepenuhnya oleh pihak LGM.

In year 2020, PMD is working on upgrading and refurbishment BGA Complex where the consultants' firm from Veritas Architects Sdn Bhd and Veritas Environment Service Sdn Bhd is appointed to carry out civil & structural and mechanical & electrical design works. The projects are fully funded by the MRB.

Dalam pada itu, BPH juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih KBGA di bawah penyeliaan BPH sendiri seperti berikut:

In the meantime, the upgrading and refurbishment works in KBGA which supervised by PMD were carried out as follows:

Bil	Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Membaikpulih <i>Upgrading and Refurbishment Works</i>	Kos Cost
1.	Membaikpulih dan menaiktaraf landskap di KBGA. <i>KBGA landscape upgrading and refurbishment.</i>	50,000.00
2.	Kerja mengecat semula dinding dalam, dinding gunasama serta kerja-kerja sivil yg berkaitan di bangunan tempat letak kereta KBGA. <i>Repainting inside walls, sharing walls and civil works at Car Park Building, KBGA.</i>	223,736.00

Selain daripada itu, BPH juga terlibat di dalam kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih PD Lodge LGM, Port Dickson, melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM2.4 juta. Konsultan Rizal Osman Arkitek telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja fasa merekabentuk, kontrak & dokumentasi, pembinaan dan proses CCC. Kontraktor pembinaan telah dilantik oleh LGMPC pada 15 Disember 2020 untuk terus melaksanakan kerja-kerja yang telah ditetapkan.

Apart from the above mentioned works and projects, PMD too involved in the facelift and refurbishment projects of PD Lodge LGM, Port Dickson, with a total cost of RM2.4 million. Consultant Rizal Osman Architect is appointed to expedite task from design phase, contract & documentation phase, construction phase and CCC process. A construction contractor was appointed by LGMPC on 15 December 2020 to execute the planned work.

Bagi memenuhi tuntutan pihak LGM, BPH juga terlibat dengan kerja-kerja pengubahsuaian seperti berikut:


As request by MRB, PMD also involved in renovation works as follows:


Bil	Kerja-Kerja Pengubahsuaian <i>Renovation Works</i>	Kos Cost
1.	Pejabat Unit Teknologi Maklumat, LGM, BGA <i>LGM IT Unit Office, BGA</i>	700,000.00
2.	Pejabat Bahagian Pembangunan & Pengembangan LGM, BGA (Menara). <i>LGM Development and Growth Unit Office, BGA (Tower)</i>	40,000.00

LEBIHAN / KURANGAN PENDAPATAN PROFIT / LOSS

Pendapatan keseluruhan BPH pada tahun 2020 adalah sebanyak RM7.19 juta berbanding RM7.65 juta pada 2019. Kos perbelanjaan keseluruhan pada tahun 2020 pula adalah RM5.01 juta berbanding RM4.67 juta pada tahun sebelumnya. Lebihan pendapatan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM2.18 juta berbanding RM2.98 juta pada tahun 2019 berkurangan sebanyak 26.73% .

PMD overall revenue for year 2020 stood at RM7.19 million compared to RM7.65 million in 2019. Total expenditure for year 2020 is RM5.01 million compared to RM4.67 million in previous year. PMD had a surplus of RM2.18 million for 2020 a decrease of 26.73% from RM2.98 million in 2019.






PENYAT KEWAN 2020

FINANCIAL STATEMENT 2020



TA IGAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LGM PROPERTIES CORPORATION
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan LGM Properties Corporation. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan LGM Properties Corporation pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Peraturan-peraturan Lembaga Getah Malaysia (LGM Properties Corporation) 2001 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada LGM Properties Corporation dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengennainya

Lembaga Pengarah LGM Properties Corporation bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan LGM Properties Corporation tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengennainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengennainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Peraturan-peraturan Lembaga Getah Malaysia (LGM Properties Corporation) 2001 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan LGM Properties Corporation untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan LGM Properties Corporation secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan LGM Properties Corporation, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman LGM Properties Corporation.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan LGM Properties Corporation sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan LGM Properties Corporation atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan telah melaporkan asas-asas urusaniaga dan peristiwa-peristiwa yang memberi gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Peraturan-peraturan Lembaga Getah Malaysia (LGM Properties Corporation) 2001 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA


PUTRAJAYA
19 APRIL 2021



PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Tuan Haji Muhammad Ismi Bin Mat Taib dan YBhg. Dato' Dr Zairossani Bin Mohd Nor yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LGM Properties Corporation dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LGM Properties Corporation pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Tuan Haji Muhammad Ismi Bin Mat Taib

Pengerusi
LGM Properties Corporation

05 FEB 2021

Di Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,



Dato' Dr. Zairossani Bin Mohd Nor

Ahli Lembaga Pengarah
LGM Properties Corporation

05 FEB 2021

Di Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE
ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LGM PROPERTIES CORPORATION**

Saya, Lai Kam Mun, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan LGM Properties Corporation dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur)
pada 05 FEB 2021)

Lai Kam Mun

Di hadapan saya,



Lot 6.16D Level 6
Wisma Central
Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

LGM PROPERTIES CORPORATION
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	<u>NOTA</u>	2020 (RM)	2019 (RM)
ASET BUKAN SEMASA			
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	5	4,101,286	4,404,234
PELABURAN HARTANAH	6	316,699	316,699
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	7	2,718,826	2,542,385
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG	8	13,919,615	12,663,851
PENGHUTANG KAKITANGAN JANGKA PANJANG	9	3,551	5,023
CUKAI TERTUNDA ASET	10	624,830	477,707
SIMPANAN TETAP TARIKH MATANG MELEBIHI SATU TAHUN	11	-	1,910,435
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		21,684,807	22,320,334
ASET SEMASA			
INVENTORI	12	134,433	459,191
PENGHUTANG KAKITANGAN	9	6,689	6,689
PENGHUTANG DAGANGAN	13	2,418,879	1,202,598
PELBAGAI PENGHUTANG	14	124,947	-
JUMLAH TERHUTANG OLEH PERBADANAN INDUK	15	6,246,178	2,861,390
PEMBAYARAN PENDAHULUAN PERCUKAIAN		2,455,791	2,529,546
PEMBAYARAN PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN FAEDAH TERAKRU	16	449,178	620,873
PEMBAYARAN PENDAHULUAN LAIN-LAIN	17	405,441	-
SIMPANAN TETAP TARIKH MATANG MELEBIHI TIGA BULAN	11	17,400,000	23,005,600
SIMPANAN TETAP TARIKH MATANG DALAM TIGA BULAN	11	9,516,035	5,330,000
WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK	18	6,153,792	6,259,423
JUMLAH ASET SEMASA		45,311,363	42,275,310
JUMLAH ASET		66,996,170	64,595,644
EKUITI			
DANA MODAL		2,000,000	2,000,000
PENDAPATAN TERKUMPUL		34,098,926	33,937,829
TABUNG TANAM SEMULA	19	20,768,877	20,900,000
JUMLAH EKUITI		56,867,803	56,837,829
LIABILITI JANGKA PANJANG			
MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG	20	370,000	341,432
JUMLAH LIABILITI JANGKA PANJANG		370,000	341,432
LIABILITI SEMASA			
MANFAAT PEKERJA JANGKA PENDEK	20	20,971	62,347
PEMIUTANG DAGANGAN	21	819,039	455,011
TERIMAAN CAGARAN SEWA RUMAH DAN KONTRAKTOR	22	2,948,283	3,010,462
PELBAGAI PEMIUTANG	23	3,408,472	2,761,534
JUMLAH TERHUTANG KEPADA PERBADANAN INDUK	24	1,791,903	497,367
WANG TAHANAN		423,047	263,174
PERUNTUKAN PERCUKAIAN		346,652	366,488
JUMLAH LIABILITI SEMASA		9,758,367	7,416,383
JUMLAH LIABILITI		10,128,367	7,757,815
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		66,996,170	64,595,644

*Nota-nota kepada akaun dari muka surat 5 hingga 32 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama

LGM PROPERTIES CORPORATION
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	<u>NOTA</u>	2020 (RM)	2019 (RM)
<u>PENDAPATAN</u>			
PENDAPATAN	26	27,292,354	24,267,783
<u>PERBELANJAAN</u>			
PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA	20	28,708	-
GAJI DAN KEMUDAHAN KAKITANGAN	27	12,251,975	9,559,691
PEMBAYARAN PENYELENGGARAAN PERLADANGAN DAN UPAH PERLADANGAN	28	5,054,775	5,897,274
PERBELANJAAN AM DAN PENTADBIRAN	29	2,089,771	1,912,877
SUSUT NILAI UNTUK TAHUN SEMASA	5	643,745	584,007
PERLUNASAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG	8	363,272	223,929
BAYARAN SEWA LADANG DAN HARTA KOMERSIAL		3,000,000	1,500,000
PERBELANJAAN PROFESIONAL		155,528	576,666
PENYELENGGARAAN BANGUNAN	30	1,155,307	1,141,340
PERUNTUKAN HUTANG RAGU	13	2,258	-
ROSOT NILAI INVENTORI		-	4,753
PELUPUSAN ASET		2,253	-
PEMBAYARAN-PEMBAYARAN LAIN	31	2,483,493	1,892,520
		27,231,085	23,293,057
<u>LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN SEBELUM SUMBANGAN</u>		61,269	974,726
SUMBANGAN		(21,444)	-
<u>LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN SEBELUM CUKAI</u>		39,825	974,726
PERCUKAIAN	32	3,495	(484,202)
<u>LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN SELEPAS CUKAI</u>		43,320	490,524
PEMBAYARAN ZAKAT		(13,346)	-
<u>LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT</u>		29,974	490,524

*Nota-nota kepada akaun dari muka surat 5 hingga 32 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama

LGM PROPERTIES CORPORATION
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	Dana Modal (RM)	Keuntungan Terkumpul (RM)	Tabung Tanam Semula (RM)	Jumlah (RM)
Baki pada 1 Januari 2019		2,000,000	33,447,305	20,900,000	56,347,305
Keuntungan Bersih bagi tahun, Termasuk Jumlah Pendapatan Bagi Tahun		-	490,524	-	490,524
Tabung Tanam Semula	19	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019		2,000,000	33,937,829	20,900,000	56,837,829
Keuntungan Bersih bagi tahun, Termasuk Jumlah Pendapatan Bagi Tahun		-	29,974	-	29,974
Tabung Tanam Semula	19	-	131,123	(131,123)	-
Baki pada 31 Disember 2020		2,000,000	34,098,926	20,768,877	56,867,803

*Nota-nota kepada akaun dari muka surat 5 hingga 32 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama

LGM PROPERTIES CORPORATION
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020 (RM)	2019 (RM)
TUNAI DIHASILKAN DARIPADA / (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI		
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	39,825	974,726
PENDAPATAN FAEDAH	(909,494)	(1,202,955)
SUSUT NILAI HARTA, LOJI DAN PERALATAN	643,745	562,713
SUSUT NILAI PELABURAN HARTANAH	-	21,294
PERLUNASAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG	363,272	223,928
PELARASAN PERUNTUKAN HUTANG RAGU	(53,387)	(12,529)
ROSOT NILAI INVENTORI	-	4,753
PELUPUSAN ASET	2,253	-
PERUNTUKAN PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA	69,595	24,394
LEBIHAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA TAHUN TERDAHULU	(82,403)	(121,642)
KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	73,406	474,682
PENURUNAN/(PENINGKATAN) INVENTORI	324,758	(395,104)
PENURUNAN PENGHUTANG KAKITANGAN	1,472	2,046
PENINGKATAN PENGHUTANG DAGANGAN	(1,162,895)	(74,611)
(PENINGKATAN)/PENURUNAN PELBAGAI PENGHUTANG	(124,948)	46,113
PENURUNAN/(PENINGKATAN) PEMBAYARAN PENDAHULUAN	171,694	(326,713)
DEPOSIT DAN FAEDAH TERAKRU		
PENINGKATAN PEMBAYARAN PENDAHULUAN LAIN-LAIN	(405,442)	-
PENINGKATAN JUMLAH TERHUTANG OLEH PERBADANAN INDUK	(3,384,788)	(2,504,030)
PENINGKATAN PEMIUTANG DAGANGAN	364,027	62,415
PENINGKATAN PELBAGAI PEMIUTANG	625,493	1,365,959
(PENURUNAN)/PENINGKATAN CAGARAN SEWA RUMAH DAN KONTRAKTOR	(62,180)	347,278
PENINGKATAN JUMLAH TERHUTANG KEPADA PERBADANAN INDUK	1,294,536	150,544
PENINGKATAN/(PENURUNAN) JUMLAH TERHUTANG SUMBANGAN KEPADA PERBADANAN INDUK	21,444	(3,000,000)
PENINGKATAN WANG TAHANAN	159,873	43,973
ROSOT NILAI INVENTORI	-	(4,753)
CUKAI (DIBAYAR)/DIBAYAR BALIK	(89,708)	577,138
PEMBAYARAN ZAKAT	(13,346)	-
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI	(2,206,604)	(3,235,063)
TUNAI (DIGUNAKAN DALAM) / DIHASILKAN DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
FAEDAH PEROLEHAN DARI PELABURAN	909,494	1,202,955
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG	(1,619,036)	(835,175)
BELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	(519,485)	(219,852)
PENURUNAN/(PENINGKATAN) PELABURAN DALAM SIMPANAN TETAP	1,910,435	(1,910,435)
MELEBIHI SATU TAHUN		
PENURUNAN/(PENINGKATAN) PELABURAN DALAM SIMPANAN TETAP	5,605,600	(23,005,600)
MELEBIHI TIGA BULAN		
TUNAI BERSIH DIHASILKAN / (DIGUNAKAN DALAM) DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	6,287,008	(24,768,107)
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BAKI TUNAI DAN TUNAI SETARA	4,080,404	(28,003,170)
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	11,589,423	39,592,593
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	15,669,827	11,589,423

*TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN MELIPUTI BERIKUT :

SIMPANAN TETAP	9,516,035	5,330,000
WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK	6,153,792	6,259,423
	15,669,827	11,589,423

*Nota-nota kepada akaun dari muka surat 5 hingga 32 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama LGM Properties Corporation (LGMPC) yang ditubuhkan pada 1 Julai 2002 adalah sebagai sebuah Perbadanan di bawah Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang bertanggungjawab untuk menjana pendapatan kepada LGM melalui aktiviti pengurusan tanah (perladangan) dan harta kepunyaan LGM. Kesemua fungsi dan kegiatan ini terkandung di dalam Seksyen 4 dan 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (LGM Properties Corporation) 2001 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

2. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PERAKUANAN

Penyata kewangan LGMPC ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan LGMPC ini disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Diperbadankan) Akta 551, 1996.

Merujuk kepada perenggan 4 surat daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan nombor rujukan KK/BSBB(S)10/16/03 JLD.9 (SK.1)(9) bertarikh 9 Disember 2016 menggalakkan pemakaian awal Malaysia Public Sector Accounting Standard (MPSAS) bagi rangka kerja pelaporan kewangan BBP mulai tahun 2016 tertakluk dengan syarat BBP mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara. Pemakaian MPSAS ini tidak meliputi BBP yang pelaporan kewangannya tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, semakan Perbadanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui emel bertarikh 24 November 2020 mendapati bahawa Perbadanan memenuhi ciri-ciri Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE) seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 7, MPSAS 1 seperti berikut:

- a) Entiti yang mempunyai kuasa untuk mengikat kontrak atas namanya sendiri;
- b) Diberi kuasa kewangan dan operasi untuk menjalankan perniagaan;
- c) Menjual barangan dan perkhidmatan, dalam operasi biasa perniagaan, kepada entiti lain pada keuntungan atau kos pemulihan sepenuhnya;
- d) Tidak bergantung pada pembiayaan kerajaan secara berterusan untuk mematuhi prinsip Usaha Berterusan (selain pembelian output secara urusaniaga tulus); dan
- e) Dikawal oleh entiti sektor awam.

Merujuk kepada Perenggan 6, MPSAS 1 pula menjelaskan bahawa GBE menggunakan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan MPERS yang dikeluarkan oleh Malaysian Accounting Standards Board dan dikecualikan daripada pematuhan kepada keperluan MPSAS. Oleh yang demikian, Jabatan Akauntan Negara berpendapat Perbadanan perlu menggunakan MPERS.

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan LGMPC ini telah disediakan menggunakan asas kos dan nilai saksama selain dari apa yang dinyatakan di dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi kehendak MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Ia juga memerlukan para Pengarah untuk membuat penilaian mereka di dalam proses menggunakan polisi perakaunan LGMPC. Walaubagaimanapun, anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, dan ia mungkin berbeza daripada keputusan sebenar.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 4 (I) kepada penyata kewangan.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila ia didapati memberikan faedah ekonomi yang berkaitan dengan transaksi LGMPC dan jumlahnya boleh diukur secara sahih. Berikut adalah pengiktirafan secara spesifik berkenaan kriteria sebelum sesuatu transaksi diiktiraf sebagai hasil:

i. Jualan Barangan dan Perkhidmatan

Hasil dari jualan barangan dikenalpasti sebagai pendapatan apabila risiko signifikan dan pemilikan barangan telah dipindahkan kepada pelanggan LGMPC. Hasil daripada aktiviti perkhidmatan diiktiraf setelah ianya dilaksanakan dan diterima oleh pelanggan LGMPC.

ii. Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap konvensional diiktiraf mengikut asas akrual. Pendapatan dari deposit dan simpanan tetap yang mengikut prinsip syariah diiktiraf mengikut asas tunai.

iii. Pendapatan Sewa dan Kutipan Ses

Pendapatan dari kutipan sewa dan ses adalah diiktiraf mengikut asas akrual.

b) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan aggaran harga jualan ditolak kos untuk siapkan dan jualan setelah mengambil kira rosot nilai. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah masuk dahulu, keluar dahulu (first in, first out – FIFO).

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam LGMPC dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM1,000 ke atas akan dipermodalkan. Susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan usia penggunaan hartanah, loji dan peralatan.

Kadar susut nilai tahunan yang digunakan oleh LGMPC adalah seperti berikut :

<u>Hartanah, Loji dan Peralatan</u>	<u>Kadar</u>
Kenderaan	20%
Perabot dan Kelengkapan	20%
Alatan Pejabat	20%
Ubahsuaian Bangunan (termasuk Projek Khas)	20%
Mesin dan Peralatan Ladang	20%
Peralatan Jentera	10%
Stor/ Penghawa Dingin Berpusat (Bangunan)	5%

Kerja Dalam Kemajuan dan Perbelanjaan Penanaman (Tanaman Semula dan Penanaman Baru) tidak disusutnilaikan kerana kategori aset ini belum ditentukan dan belum disahkan siap.

d) Penjejasan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan LGMPC telah dianalisa pada tarikh penyata kedudukan kewangan disediakan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda berlakunya penjejasan nilai hartanah, loji dan peralatan. Sekiranya wujud tanda-tanda kerosakan nilai hartanah, loji dan peralatan, iaitu apabila “nilai jumlah hartanah, loji dan peralatan yang boleh diperolehi semula” didapati kurang daripada nilai bawaan, maka nilai pembawa hartanah, loji dan peralatan tersebut akan diturunkan nilainya kepada “nilai jumlah hartanah, loji dan peralatan yang boleh diperolehi semula”.

Amaun tersebut (yang dikenali sebagai penjejasan nilai hartanah, loji dan peralatan) akan dicatatkan sebagai perbelanjaan dan direkodkan di dalam penyata pendapatan tahun terbabit.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun baik pulih hartanah, loji dan peralatan tersebut akan diambilkira sebagai amaun ditulis semula terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan akan diiktiraf setakat mana pembawa nilai hartanah, loji dan peralatan tersebut telah ditentukan (bersih dari pelunasan dan susutnilai) sebelum sebarang penjejasan nilai. Amaun ditulis semula ini akan diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta merta.

e) Pelaburan Hartanah

LGMPC mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-duanya tanah dan bangunan, termasuk harta yang masih dalam pembinaan, sebagai hartanah pelaburan jika ia dalam objektif model perniagaan LGMPC memegang harta untuk peningkatan modal, sewa pendapatan atau kedua-duanya. Suatu hartanah pelaburan dinyatakan pada kos pada pengiktirafan awal. Kos hartanah pelaburan terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa harta itu ke lokasi dan keadaan masa kini bertujuan untuk digunakan sebagai hartanah pelaburan. Kos pelaburan bagi hartanah yang dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, barang-barang kelengkapan yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang secara fizikalnya melekat pada bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta. Penilaian hartanah pelaburan diukur menggunakan model nilai kos menolak susut nilai terkumpul.

f) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila LGMPC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusanniaga, termasuk kos urusanniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusanniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i. Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian.

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak boleh diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv. Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan jumlah sebenar semua tunggakan hutang yang melebihi setahun pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

v. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, LGMPC akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- Kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- Pelanggaran kontrak.
- Pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- Ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.

- Data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam LGMPC yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai. Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Untuk pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, pengurangan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik (yang semestinya anggaran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) bahawa LGMPC menjangka untuk menerima untuk aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. LGMPC boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

vi. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau LGMPC memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

g) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, LGMPC menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, LGMPC akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penajaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosot nilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset.

Kerugian rosot nilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susut nilai, jika tiada kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosot nilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

h) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila LGMPC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

ii. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

iii. Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

i) Perbelanjaan Penanaman

Perbelanjaan penanaman dipermodalkan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang dan akan diperlunaskan apabila pokok telah matang, berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran usia penghasilannya. Perbelanjaan penanaman semula dan penanaman baru termasuk perbelanjaan penjagaan pokok-pokok sehingga matang akan dipermodalkan.

Kadar perlunasan tahunan yang digunakan untuk ladang adalah 4% setahun.

j) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau item yang diiktiraf terus dalam ekuiti atau pelbagai pendapatan komprehensif.

Cukai semasa adalah cukai yang kena dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang telah ditetapkan pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara seperti berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusan niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau untung atau rugi boleh cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan pada akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika LGMPC mendapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama pada entiti boleh dicukai yang sama, atau ke atas entiti cukai yang berbeza, tetapi mereka bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap di mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasi.

k) Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, tunai dalam transit, baki di bank dan simpanan tetap dengan bank berlesen.

Pihak LGMPC telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai.

I) Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting

Anggaran, anggapan mengenai masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan penyata kewangan. Perkara tersebut memberi kesan kepada aplikasi dasar perakaunan LGMPC, melaporkan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan dan pendedahan yang dibuat. Ia akan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan lain-lain faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan tertentu.

Andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama anggaran atau ketidakpastian pada tarikh penyata kedudukan kewangan, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah di bawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan seperti di bawah:

i. Cukai Pendapatan

Terdapat pengiraan dan transaksi tertentu untuk penentuan cukai bagi kebiasaan perniagaan. Penilaian yang signifikan terlibat terutamanya dalam menentukan faedah asas pengenaan cukai dan pengurangan kos tertentu dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan. LGMPC mengakui kewajipan untuk masalah cukai yang diharapkan berdasarkan anggaran cukai tambahan akan tamat tempoh. Pengiraan terakhir cukai akan berbeza dengan pengiraan awal cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tahun kewangan di mana penentuan tersebut dilakukan.

ii. Jangka Hayat dan Nilai Sisa Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi jangka hayat hartanah, loji dan peralatan tersebut. Anggaran yang digunakan adalah dalam pemilihan kaedah susut nilai, jangka hayat dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini juga boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian jika berlaku pelupusan ke atas hartanah, loji dan peralatan tersebut.

iii. Kerugian Rosot Nilai bagi Aset Kewangan

Pada setiap tarikh laporan, LGMPC menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah merosot. Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, LGMPC mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara oleh penghutang, keingkaran dan kelewatan dalam pembayaran. Oleh itu, sekiranya kadar rosot nilai sebenar menjadi lebih tinggi daripada anggaran yang dibuat, LGMPC mungkin perlu mengenakan tambahan kerugian rosot nilai kepada keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan seterusnya dan ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan dan hasil kendaliannya.

5. HARTANAH , LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Kenderaan	Peralatan Jentera	Perabot & Kelengkapan	Peralatan Pejabat	Ubahsuaian Bangunan / Projek Khas	Bangunan / Stor / Naiktaraf	Mesin & Peralatan Ladang	Jumlah
KOS								
Pada 1 Januari 2020	1,711,910	954,370	1,347,997	876,141	2,650,918	6,981,086	206,461	14,728,883
Tambahan	185,414	-	5,558	89,591	-	48,581	13,900	343,044
Pelupusan	(318,965)	-	(212,257)	(161,451)	(108,744)	(5,300)	(36,510)	(843,227)
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020	1,578,359	954,370	1,141,298	804,281	2,542,174	7,024,367	183,851	14,228,700
SUSUT NILAI								
Pada 1 Januari 2020	1,448,623	851,805	1,252,366	768,074	2,480,014	3,344,697	179,070	10,324,649
Susut Nilai	145,971	24,235	31,241	43,955	49,190	346,918	2,235	643,745
Pelupusan	(318,960)	-	(212,231)	(161,125)	(108,740)	(3,423)	(36,500)	(840,979)
Pelarasan Susut Nilai	-	(1)	-	-	-	-	-	(1)
Pada 31 Disember 2020	1,275,634	876,039	1,071,376	650,904	2,420,464	3,688,192	144,805	10,127,414
NILAI BAWAAN								
Pada 31 Disember 2020	302,725	78,331	69,922	153,377	121,710	3,336,175	39,046	4,101,286
Pada 31 Disember 2019	263,287	102,565	95,631	108,067	170,904	3,636,389	27,391	4,404,234

6. PELABURAN HARTANAH

	2020	2019
	RM	RM
Nilai Bawaan pada 1 Januari	316,699	337,993
Susut Nilai	(21,294)	(21,294)
Pelarasan Susut Nilai	21,294	-
Nilai Bawaan pada 31 Disember	<u>316,699</u>	<u>316,699</u>
 Pada Kos:	 425,874	 425,874
Susut Nilai Terkumpul	(109,175)	(109,175)
Nilai Bawaan pada 31 Disember	<u>316,699</u>	<u>316,699</u>

7. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	2020	2019
	RM	RM
Nilai Bawaan pada 1 Januari	2,542,385	2,492,385
Pertambahan	226,441	50,000
Diklasifikasikan ke Peralatan Pejabat	(50,000)	-
Nilai Bawaan pada 31 Disember	<u>2,718,826</u>	<u>2,542,385</u>

Pembinaan Dalam Kemajuan tidak disusutnilaikan kerana kategori aset ini belum ditentukan dan belum disahkan siap.

Komitmen modal

	2020	2019
	RM	RM
Amaun diluluskan	2,892,178	2,665,737
Amaun dibayar	<u>2,248,155</u>	<u>2,198,155</u>
	<u>644,023</u>	<u>467,582</u>

8. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan pembangunan ladang di Ladang Pahang Tenggara, Ladang Begia, Ladang Penawar dan di Ladang Panti. Butir-butirnya adalah seperti Jadual Pembangunan Ladang :

JADUAL PEMBANGUNAN LADANG

	Kos Asal (Tahun 2018)	Tambahan Perbelanjaan Terkumpul	Pelarasan (Stok Barang Pakai) Terkumpul	Tolak: Perluasan Terkumpul	Tolak: Perluasan Tahun 2019	Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2019	Nilai Pembangunan 31.12.2019	Tambahan Tahun 2020	Tolak: Perluasan Tahun 2020	Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2020	Nilai Pembangunan 31.12.2020
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Tanaman Getah											
Fasa 3A-1 Pahang	1,972,200	-	-	78,888	78,888	-	1,814,424	-	78,888	-	1,735,536
Fasa 3A-2 Pahang	377,098	-	-	15,084	15,084	-	346,930	-	15,084	-	331,846
Fasa 3B-1 Pahang	1,962,635	-	-	78,505	78,505	-	1,805,625	-	78,505	-	1,727,120
Fasa 3B-2 Pahang	257,822	1,111	-	-	-	-	258,933	-	10,357	-	248,576
Fasa 3C-1A Pahang	905,534	-	-	36,221	36,221	-	833,092	-	36,221	-	796,871
Fasa 3C-1B Pahang	302,008	3,699	-	-	-	-	305,707	832	12,262	-	294,277
Fasa 3C-2 Pahang	1,362,384	48,035	-	-	-	-	1,410,419	5,504	-	-	1,415,923
Fasa 3D Pahang	1,814,225	85,051	-	-	-	-	1,899,276	24,725	76,960	-	1,847,041
Fasa 3E Pahang	1,556,734	80,695	-	-	-	-	1,637,429	14,184	-	-	1,651,613
FASA 4A & 5A Pahang	-	601,697	-	-	-	-	601,697	226,791	-	-	828,488
FASA 5B Pahang	-	-	-	-	-	-	-	967,463	-	-	967,463
R1-PB350 Begia	646,016	990	-	-	-	-	647,006	-	25,880	-	621,126
R2-RRIM2025 Begia	396,731	-	-	-	-	-	396,731	-	-	-	396,731

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI 31 DISEMBER 2020

	Kos Asal (Tahun 2018)	Tambahan Perbelanjaan Terkumpul	Pelarasan (Stok Barang Pakai) Terkumpul	Tolak: Perluasan Terkumpul	Tolak: Perluasan Tahun 2019	Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2019	Nilai Pembangunan 31.12.2019	Tambahan Tahun 2020	Tolak: Perluasan Tahun 2020	Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2020	Nilai Pembangunan 31.12.2020
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Tanaman Sawit											
Blok 5A (OP5) Pahang	110,405	-	-	4,416	4,416	-	101,573	-	4,416	-	97,157
Blok 5B (OP6) Pahang	155,142	-	-	6,206	6,206	-	142,730	-	6,206	-	136,524
Blok 5B (OP7) Pahang	59,605	3,082	-	-	2,507	-	60,180	-	2,508	-	57,672
Blok 5C (OP8) Pahang	334,417	10,815	-	-	-	-	345,232	1,809	13,882	-	333,159
OP2A Begia	6,611	-	-	264	264	-	6,083	-	264	-	5,819
OP3A Begia	13,562	-	-	543	542	-	12,477	-	543	-	11,934
OP8A Begia	15,934	-	-	637	637	-	14,660	-	638	-	14,022
OP10A Begia	2,882	-	-	115	115	-	2,652	-	116	-	2,536
OP10B Begia	4,238	-	-	170	170	-	3,898	-	169	-	3,729
OP10C Begia	9,323	-	-	373	373	-	8,577	-	373	-	8,204
OP Begia	-	-	-	-	-	-	-	377,728	-	-	377,728
OP Panti	4,760	-	-	-	-	-	4,760	-	-	-	4,760
OP Penawar	3,760	-	-	-	-	-	3,760	-	-	-	3,760
	12,274,026	835,175	-	221,422	223,928	-	12,663,851	1,619,036	363,272	-	13,919,615

9. PENGHUTANG KAKITANGAN

	2020 RM	2019 RM
Pinjaman Perumahan*		
Jangka Panjang (> 12 Bulan)	3,551	5,023
Penghutang Kakitangan	6,689	6,689
	<u>10,240</u>	<u>11,712</u>

- Faedah dikenakan kepada peminjam pada kadar 4% setahun.
- Pinjaman perumahan yang diberi kepada kakitangan hanya 10% daripada kos rumah.
- Kaedah pembayaran balik adalah melalui potongan gaji bulanan peminjam-peminjam berkenaan.
- Segala bentuk pinjaman kepada kakitangan tidak disediakan mulai Julai 2007.

10. CUKAI TERTUNDA

	2020 RM	2019 RM
Baki Awal	(477,707)	(540,324)
Tahun Semasa	(130,500)	121,846
Terlebih Catit Tahun	(16,623)	(59,229)
Baki Akhir	<u>(624,830)</u>	<u>(477,707)</u>

Komponen dan perbezaan aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

Cukai Tertunda Aset

	2020 RM	2019 RM
Baki Awal	(477,707)	(540,324)
Tahun semasa	(130,500)	121,846
Imbangan (Offsetting) Cukai Tertunda Liabiliti	(16,623)	(59,229)
Baki Akhir	<u>(624,830)</u>	<u>(477,707)</u>

Jumlah perbezaan sementara untuk ketiadaan cukai tertunda (aset)/liabiliti diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti berikut:-

	2020 RM	2019 RM
Lebihan Elaun Modal berbanding Susut Nilai	3,235,734	3,371,308
Elaun Modal Belum Diserap	(5,690,030)	(5,361,754)
Kerugian Belum Diserap	(149,162)	-
Baki Akhir	<u>(2,603,458)</u>	<u>(1,990,446)</u>
Pada Kadar Cukai 24% (2019: 24%)	<u>(624,830)</u>	<u>(477,707)</u>
Baki Akhir	<u>(624,830)</u>	<u>(477,707)</u>

11. SIMPANAN TETAP

	2020 RM	2019 RM
<u>Tarikh Matang melebihi satu tahun</u>		
Affin Bank Berhad (konvensional)	-	1,910,435
	-	1,910,435

- Pada tahun 2019, kadar faedah efektif dan kematangan bagi simpanan tetap melebihi satu tahun ialah 3.95%. Tempoh matang simpanan tetap ialah 396 hari.

	2020 RM	2019 RM
<u>Tarikh Matang melebihi tiga bulan</u>		
Affin Bank Berhad (konvensional)	-	20,900,000
Affin Bank Berhad (GIA)	7,400,000	-
Maybank Berhad	10,000,000	2,105,600
	17,400,000	23,005,600

- Kadar faedah efektif dan kematangan bagi simpanan tetap melebihi tiga bulan ialah antara 1.95% hingga 2.20% (3.65% hingga 3.95% pada tahun 2019) setahun. Tempoh matang simpanan tetap ialah antara 182 hari hingga 187 hari (184 hari hingga 366 hari pada tahun 2019).

	2020 RM	2019 RM
<u>Tarikh Matang dalam masa tiga bulan</u>		
Affin Bank Berhad (konvensional)	2,000,000	2,000,000
Affin Bank Berhad (GIA)	1,910,435	-
Maybank Berhad	5,605,600	3,330,000
	9,516,035	5,330,000

- Kadar faedah efektif dan kematangan bagi simpanan tetap dalam masa tiga bulan ialah antara 1.95% hingga 2.20% (3.65% hingga 3.95% pada tahun 2019) setahun. Tempoh matang simpanan tetap ialah antara 31 hari hingga 93 hari (31 hari hingga 93 hari pada tahun 2019).

12. INVENTORI

	2020 RM	2019 RM
Ladang Pahang Tenggara	57,766	62,114
Ladang Penawar	3,732	31,170
Ladang Pantii	-	34,606
Ladang Begia	6,208	237,256
Inventori in transit	66,727	94,045
Baki Akhir	134,433	459,191

Barangan perladangan, baja, racun dan ternakan dinilai pada harga terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

13. PENGHUTANG DAGANGAN

	2020 RM	2019 RM
Penyewa Bangunan Getah Asli	850,035	262,188
Penyewa Banglo	195,744	281,012
Penyewa Papan Iklan Elektronik	325,000	-
Penyewa Papan Direktori (Pylon Signage)	12,150	30,650
Penyewa Desaru Terrace	21,504	22,648
Kontraktor/ Penghutang (Bahagian Perladangan)	959,503	655,502
Kontraktor/ Penghutang (Bahagian Hartanah)	4,313	2,981
Penghutang daripada makmal GTACR	3,991	-
Lain-Lain Penghutang	58,170	12,535
	<u>2,430,410</u>	<u>1,267,516</u>
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	<u>(11,531)</u>	<u>(64,918)</u>
	<u><u>2,418,879</u></u>	<u><u>1,202,598</u></u>

Peruntukan Hutang Ragu

	2020 RM	2019 RM
Baki 1 Januari	64,918	77,446
Hutang Lapuk dihapusira	(55,645)	-
Peruntukan hutang ragu	<u>2,258</u>	<u>(12,528)</u>
Baki 31 Disember	<u><u>11,531</u></u>	<u><u>64,918</u></u>

- Tempoh pembayaran balik hutang belum terima dagangan adalah dalam tempoh 14 hari dari tarikh inbois dikeluarkan.
- Tempoh pengumuman adalah di antara 1 bulan hingga 41 bulan.
- Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan jumlah sebenar semua tunggakan hutang yang melebihi setahun (12 bulan) pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

14. PELBAGAI PENGHUTANG

	2020 RM	2019 RM
Kastam Diraja Malaysia	<u>124,947</u>	-
Baki Akhir	<u><u>124,947</u></u>	<u><u>-</u></u>

Pelbagai penghutang adalah daripada Kastam Diraja Malaysia yang mana pemprosesan tuntutan balik terlebih bayar SST (sebagai anak syarikat kepada LGM, cukai perkhidmatan terhadap professional servis adalah dikecualikan).

15. JUMLAH TERHUTANG OLEH PERBADANAN INDUK

	2020 RM	2019 RM
Lembaga Getah Malaysia	<u>6,246,178</u>	<u>2,861,390</u>
Baki Akhir	<u><u>6,246,178</u></u>	<u><u>2,861,390</u></u>

Jumlah ini tidak dikenakan sebarang faedah dan tidak tertakluk kepada tempoh pembayaran balik yang tetap.

16. PEMBAYARAN PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN FAEDAH TERAKRU

	2020	2019
	RM	RM
Faedah Terakru	88,384	261,016
Deposit	360,358	359,623
Pendahuluan	436	234
	<u>449,178</u>	<u>620,873</u>

17. PEMBAYARAN PENDAHULUAN LAIN-LAIN

	2020	2019
	RM	RM
Pembayaran kepada Kontraktor Projek	405,441	-
	<u>405,441</u>	<u>-</u>

Pembayaran kepada kontraktor adalah bayaran kepada kontraktor bagi projek yang dipertanggungjawabkan oleh pihak LGM yang mana transaksi-transaksi ini masih dalam pengesahan dan menanggungkan pemprosesan invois kepada LGM.

18. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2020	2019
	RM	RM
Tunai di Tangan	6,121	8,556
Baki di Bank	6,147,671	6,250,867
	<u>6,153,792</u>	<u>6,259,423</u>

19. TABUNG TANAM SEMULA

Tabung Tanam Semula LGMPK diwujudkan pada tahun 2007, seperti yang dibentangkan di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LGMPK bertarikh 10 Disember 2007. LGMPK bersetuju dan meluluskan peruntukan tabung sebanyak RM500,000 setahun untuk lima tahun pertama dari pendapatan yang dijana. Tabung ini bertujuan untuk memastikan dana yang mencukupi untuk membiayai kos tanam semula sawit di Ladang LGM Begia, Sik, Kedah.

Dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LGMPK bertarikh 14 Disember 2011, peruntukan Tabung Tanam Semula LGMPK Begia telah dinaikkan kepada RM1,500,000 setahun mulai tahun 2011. Ahli Lembaga Pengarah juga bersetuju dan meluluskan penubuhan peruntukan tabung tanam semula di Ladang LGM Pahang Tenggara sebanyak RM800,000 setahun, peruntukan tabung tanam semula di Ladang LGM Penawar sebanyak RM200,000 setahun dan di Ladang LGM Panti sebanyak RM200,000 setahun mulai tahun 2011.

Ahli Lembaga Pengarah LGMPK di dalam mesyuaratnya bertarikh 17 Disember 2018, telah bersetuju dan meluluskan cadangan penstrukturan Tabung Tanam Semula berjumlah RM20.90 juta mengikut keperluan setiap ladang dan memberhentikan peruntukan berjumlah RM2.70 juta setahun daripada pendapatan terkumpul bermula tahun kewangan 2018.

	2020 RM	2019 RM
Tabung Tanam Semula – Ladang Pahang Tenggara	7,268,877	7,400,000
Tabung Tanam Semula – Ladang Panti	1,500,000	1,500,000
Tabung Tanam Semula – Ladang Penawar	2,000,000	2,000,000
Tabung Tanam Semula – Ladang Begia	10,000,000	10,000,000
	<u>20,768,877</u>	<u>20,900,000</u>

20. MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG / PENDEK

• FAEDAH KAKITANGAN

Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan LGMPC. Ketidakhadiran terimbuhi terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuhi tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

Rancangan Caruman Tetap

LGMPC membuat 15% bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman dibayar, LGMPC tiada obligasi bayaran lagi.

Pelan Manfaat Persaraan (Kakitangan Berstatus Tetap)

Pelan Manfaat Persaraan ini telah dimansuhkan mulai 01 Ogos 2008 oleh Ahli Lembaga Pengarah LGMPC dalam mesyuaratnya pada 22 Julai 2008.

Pelan Manfaat Persaraan (Kakitangan Berstatus Kontrak)

Ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya pada 19 Disember 2006, bersetuju untuk memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[25% - 15% (caruman KWSP majikan) x gaji terakhir x jumlah bulan perkhidmatan] DITOLAK 4% (faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP).

Jika jumlahnya negatif (-), kakitangan tidak perlu membayar balik jumlah tersebut.

Pelan Gantian Cuti Rehat (GCR)

Kakitangan tetap LGMPC dibenarkan mengumpul maksimum jumlah cuti rehat tahunan sebanyak 150 hari sepanjang perkhidmatannya sebelum persaraan wajib untuk digantikan dengan wang tunai berdasarkan formula berikut:

[1/30 x gaji yang akhir yang diterima x jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan]

Faedah Kematian

Seseorang kakitangan tetap LGMPC yang telah disahkan dalam jawatannya yang mati sebelum mencapai umur persaraan wajib akan dibayar kepada waris yang sah atau wakil simati yang sah di sisi undang-undang, jumlah bayaran faedah kematian yang terbanyak di antara perkara (a) atau (b) yang tersebut di bawah:

(a) **2 x gaji pokok bulanan terakhir x jangka masa perkhidmatan dengan LGMPC**

atau

(b) **24 x gaji pokok bulanan terakhir**

Faedah Jangka Panjang

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, LGMPC telah menerima pakai keperluan MASB 29-Employee Benefits yang mana bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Walaubagaimanapun, bayaran manfaat pekerja ini adalah tertakluk seperti yang dibentangkan di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LGMPC bertarikh 10 Disember 2007, iaitu, pihak LGMPC bersetuju sejumlah RM220,000 setahun diiktirafkan secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa mulai tahun 2007.

Bayaran ex-gratia manfaat pekerja ini telah dilunaskan dalam tahun 2010 bagi kakitangan tetap yang berkhidmat sehingga 1 Ogos 2008 seperti yang dibentangkan di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LGMPC bertarikh 23 Disember 2009.

Bermula tahun 2010 peruntukan tahunan manfaat pekerja telah dikurangkan kepada RM200,000 setahun.

Pada tahun 2018 setelah mengambilkira saranan audit dan bagi pematuhan kepada standard perakaunan, angka bagi manfaat pekerja telah dikira mengikut manfaat sedia ada yang masih berkuatkuasa mengikut formula yang telah diluluskan.

	2020 RM	2019 RM
Baki Awal	403,779	501,027
Peruntukan Tahun Semasa	69,595	24,394
Pembayaran kepada pesara	(41,516)	(6,500)
Pelarasan—Kakitangan meletakkan jawatan sebelum umur persaraan	(40,887)	(115,142)
Baki Akhir	<u>390,971</u>	<u>403,779</u>
Ganjaran yang perlu dibayar selepas 12 bulan	370,000	341,432
Ganjaran yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	20,971	62,347

a. Peruntukan Gantian Cuti Rehat bagi kakitangan berstatus tetap

	2020	2019
	RM	RM
Baki Awal	395,847	421,745
Peruntukan Tahun Semasa	69,595	21,941
Pembayaran kepada pesara	(41,516)	(6,500)
Pelarasan–Kakitangan meletakkan jawatan sebelum umur persaraan	(32,955)	(41,339)
Baki Akhir	<u>390,971</u>	<u>395,847</u>

b. Peruntukan Gantian Kakitangan Kontrak

	2020	2019
	RM	RM
Baki Awal	7,932	79,282
Peruntukan Tahun Semasa	-	2,453
Pelarasan–Kakitangan meletakkan jawatan sebelum umur persaraan/penukaran penjawatan status	(7,932)	(73,804)
Baki Akhir	<u>-</u>	<u>7,932</u>

21. PEMIUTANG DAGANGAN

	2020	2019
	RM	RM
Pembekal dan Kontraktor-Pentadbiran	85,469	59,369
Pembekal dan Kontraktor-Ladang Pahang	179,818	229,689
Pembekal dan Kontraktor-Ladang Panti	9,305	25,162
Pembekal dan Kontraktor-Ladang Penawar	8,876	20,388
Pembekal dan Kontraktor-Ladang Begia	42,494	47,791
Pembekal dan Kontraktor-Hartanah	359,503	72,612
Pembekal dan Kontraktor-Pelaburan dan Pembangunan Komersial	133,574	-
	<u>819,039</u>	<u>455,011</u>

- Tempoh kredit yang diberi oleh pembekal dan kontraktor lazimnya selama 7 hari sehingga 30 hari dari tarikh inbois.

22. TERIMAAN CAGARAN SEWA RUMAH DAN KONTRAKTOR

Terimaan cagaran sewa rumah dan kontraktor terdiri daripada pendahuluan wang diterima daripada penyewa hartanah, fasiliti dan kontraktor peladangan. Wang pendahuluan akan dipulangkan semasa kontrak obligasi telah selesai.

	2020	2019
	RM	RM
Cagaran Sewa Rumah diterima	2,231,021	2,255,694
Cagaran Kontraktor diterima	650,552	689,008
Cagaran Fasiliti diterima (dewan jamuan, dewan persidangan, parkir dan teater)	58,430	57,480
Cagaran papan iklan elektronik plyon	8,280	8,280
	<u>2,948,283</u>	<u>3,010,462</u>

23. PELBAGAI PEMIUTANG

	2020	2019
	RM	RM
Bayaran Pendahuluan dari Penyewa	27,002	21,948
Akruan - Tuntutan Perjalanan/ Kerja Lebih Masa	109,548	307,675
Kakitangan/ Gratuiti / GCR / Insentif		
Akruan – Kontraktor dan Pembekal	2,881,321	2,099,197
Penerimaan bagi Pihak - Lain-lain	30,011	14712
Terimaan Pendahuluan	167,605	161,385
Terhutang kepada Perkeso	8,893	-
Terhutang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	178,418	-
Terhutang kepada Kastam Diraja Malaysia	4,591	156,617
Terhutang kepada Zakat	1,083	-
	3,408,472	2,761,534

24. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PERBADANAN

	2020	2019
	RM	RM
Dagangan	-	6,670
Bukan dagangan	1,791,903	490,697
	1,791,903	497,367

Jumlah ini melibatkan bayaran sewaan ladang dan harta komersil serta penerimaan bukan hasil (penerimaan bagi pihak) oleh LGMPC ke atas hasil LGM serta pembayaran kepada LGM (pembayaran bagi pihak oleh LGM) ke atas perbelanjaan LGMPC.

LGMPC dikecualikan daripada pembayaran sewaan bagi tempoh Julai sehingga Disember 2019. Jumlah ini tidak dikenakan sebarang faedah dan tidak tertakluk kepada tempoh pembayaran balik yang tetap.

25. SUMBANGAN KE ATAS PERBADANAN INDUK

LGMPC memberi sumbangan tahunan kepada Perbadanan Induk mengikut keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah LGMPC berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa.

Sumbangan terhadap Perbadanan Induk telah diperuntukan dan diakrukan berdasarkan 35% ke atas lebihan pendapatan dari perbelanjaan sebelum cukai pada tahun kewangan 2020 (2019: Nil berdasarkan mesyuarat ahli Lembaga).

26. PENDAPATAN

	2020	2019
	RM	RM
Jualan Getah	3,567,791	4,583,402
Jualan Sawit	7,436,105	6,388,643
Sewaan	6,630,939	6,427,258
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	909,494	1,202,955
Pendapatan daripada perkhidmatan makmal GTACR	956,310	-
Lain-Lain Pendapatan	7,791,715	5,665,525
	27,292,354	24,267,783

	2020 RM	2019 RM
Lain-Lain Pendapatan terdiri daripada:		
Pelbagai Pendapatan daripada Pekerja pinjaman	178	233
Pelbagai Pendapatan daripada fasiliti (kebanyakan daripada bahagian Hartanah)	586,938	1,386,673
Pelbagai Pendapatan daripada penjualan kayu getah	2,338,511	-
Pelbagai Pendapatan daripada penjualan getah biji	-	115,277
Pelbagai Pendapatan daripada bahagian Perladangan	127,605	109,073
PKS Prihatin Penjana daripada Perkeso	331,200	-
Pembayaran balik bagi penamatan makmal GTACR	1,210,995	-
Pelbagai Pendapatan daripada Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu	-	12,529
Pelbagai Pendapatan daripada servis caj ke atas projek bagi pihak Perbadanan Induk (kebanyakan daripada bahagian Pelaburan dan Pembangunan Komersial bersamaan dengan bahagian Hartanah)	269,295	1,611,219
Pendapatan lain-lain seperti jualan dokumen tender	26,730	1,510
Penggajian servis bagi pihak Perbadanan Induk	994,512	369,706
Pelbagai Pendapatan daripada Polis Bantuan	1,905,751	2,059,305
	<u>7,791,715</u>	<u>5,665,525</u>

27. GAJI DAN KEMUDAHAN KAKITANGAN

	2020 RM	2019 RM
Gaji	7,560,187	5,567,374
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,174,596	1,068,210
Socso	100,668	93,680
Kerja Lebih Masa	166,782	148,310
Elaun/ Gratuiti/ GCR	1,296,140	749,226
Insentif Kakitangan	2,083	332,858
Cola Kakitangan	616,688	437,458
Honorarium dan Kemudahan Ahli Lembaga Pengarah (ALP)	371,919	373,186
Elaun dan Kemudahan KPE	20,205	16,759
Tuntutan Perjalanan	184,204	154,231
Perubatan Kakitangan	35,215	20,606
Insurans Kakitangan	723,288	597,793
	<u>12,251,975</u>	<u>9,559,691</u>

	2020 RM	2019 RM
<u>GAJI DAN KEMUDAHAN KAKITANGAN</u>		
Kakitangan LGMPC	7,203,851	7,210,362
Penggajian bagi pihak LGM	994,512	369,706
Polis Bantuan bagi pihak LGM	1,930,273	1,979,623
GTACR	2,123,339	-
	<u>12,251,975</u>	<u>9,559,691</u>

Pada 31 Disember 2020 jumlah kakitangan LGMPC adalah seramai 129 orang.
(133 orang : 2019)

28. PEMBAYARAN PENYELENGGARAAN PERLADANGAN DAN UPAH PERLADANGAN

	2020	2019
	RM	RM
Penyelenggaraan Ladang-Getah Matang	405,590	421,923
Penyelenggaraan Ladang-Kelapa Sawit Matang	1,355,606	1,576,910
Upah Pekerja Kontrak-Getah Matang	1,898,240	2,438,660
Upah Pekerja Kontrak-Kelapa Sawit Matang	1,395,339	1,459,781
	<u>5,054,775</u>	<u>5,897,274</u>

29. PERBELANJAAN AM DAN PENTADBIRAN

	2020	2019
	RM	RM
Utiliti	1,631,876	1,545,138
Pos	5,256	2,629
Alat Tulis dan Percetakan	125,318	94,716
Keraian/ Jamuan/ Aktiviti Sosial/ Dermaan	85,958	41,137
Latihan/ Seminar/ Bengkel/ Persidangan/	58,280	58,979
Pengajian Kakitangan		
Penyelenggaraan Kenderaan	183,083	170,278
	<u>2,089,771</u>	<u>1,912,877</u>

30. PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Penyelenggaraan bangunan merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan ke atas semua harta komersil yang dipertanggungjawabkan ke atas LGMPK.

	2020	2019
	RM	RM
Penyelenggaraan Pejabat	12,278	4,847
Penyelenggaraan Bangunan	347,543	308,833
Penyelenggaraan Banglo / Apartmen	72,141	61,311
Penyelenggaraan Rumah Kakitangan	30,102	15,697
Penyelenggaraan Pos Keselamatan dan Parkir	39,340	36,812
Penyelenggaraan Sistem Perhubungan dan pendawaian	4,200	17,969
Penyelenggaraan Sistem Air dan Pembentungan	1,083	53
Penyelenggaraan Pagar	487	76
Penyelenggaraan Jambatan	4,065	18,140
Kontrak Servis dan Penyelenggaraan Bangunan	568,786	511,743
Bahan Mentah untuk Penyelenggaraan	7,684	11,139
Projek Khas Hartanah	10,924	126,867
Lain-Lain Penyelenggaraan	56,674	27,853
	<u>1,155,307</u>	<u>1,141,340</u>

31. PEMBAYARAN-PEMBAYARAN LAIN

	2020 RM	2019 RM
Pembayaran Cukai Pintu, Cukai Tanah dan Insuran Bangunan	1,568,465	1,225,055
Pembayaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan Lain-Lain Inventori	114,167	105,329
Perbelanjaan Am	63,334	10,598
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	222,975	161,982
Perkhidmatan Servis Vendor dan Pelesenan	429,910	326,709
	84,642	62,847
	<u>2,483,493</u>	<u>1,892,520</u>

32. PERCUKAIAN

	2020 RM	2019 RM
Cukai:		
- Peruntukan Cukai Tahun Semasa	332,358	366,488
- Terkurang peruntukan Cukai Tahun Semasa melebihi 30%	14,294	-
- Cukai (terlebih)/terkurang Peruntuk Tahun Lepas Cukai Tertunda Liabiliti / (Aset)	(203,024)	55,097
- Tahun Semasa	(130,500)	121,846
- Terlebih Catit Tahun Lepas	(16,623)	(59,229)
	<u>(3,495)</u>	<u>484,202</u>

Penyesuaian berangka antara kadar cukai biasa dan lebihan produk didarab dengan cukai adalah seperti di bawah:

	2020 RM	2019 RM
Keuntungan Sebelum Cukai	<u>39,825</u>	<u>974,726</u>
Cukai pada Kadar Cukai 24% (2019: 24%)	9,558	233,934
Kesan Cukai:		
Belanja yang tidak dibenar	168,301	232,755
Susut Nilai atas aset tetap yang tidak diiktiraf	23,999	21,645
Terkurang peruntukan Cukai Tahun Semasa melebihi 30%	14,294	-
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	-	-
(Terlebih)/terkurang Catit Cukai Tahun Lepas	(203,024)	55,097
Terlebih Catit Cukai Tertunda Tahun Lepas	(16,623)	(59,229)
Belanja Cukai	<u>(3,495)</u>	<u>484,202</u>

33. LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN SELEPAS CUKAI

	2020 RM	2019 RM
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan selepas cukai berasal dari		
Yuran audit	18,000	18,900
Susut Nilai harta, loji dan peralatan		
- Susut Nilai untuk kenderaan motor	145,971	108,837
- Susut Nilai untuk peralatan jentera	24,234	44,537
- Susut Nilai untuk perabot dan kelengkapan	31,241	19,881
- Susut Nilai untuk peralatan pejabat	43,955	31,304
- Susut Nilai untuk ubahsuaian bangunan / projek khas	49,190	32,205
- Susut Nilai untuk bangunan / stor / naiktaraf	346,918	326,477
- Susut Nilai / (Pelarasan lebihan) untuk mesin & peralatan ladang	2,235	(528)
- Rosot Nilai inventori	-	4,753
Pelupusan Aset	2,253	-
Kerugian daripada mata wang asing transaksi	-	4
Bayaran sewa ladang dan harta komersial	3,000,000	1,500,000
Sumbangan ke atas Perbadanan Induk	21,444	-

34. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Berdasarkan kepada nasihat undang-undang, pihak pengurusan berpendapat bahawa peruntukan untuk ganti rugi tidak perlu dibuat di dalam akaun untuk tanggungan luar jangka kerana kebarangkalian keputusan tidak menyebelahi kepada LGMPC adalah kecil.

35. MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan LGMPC pada 31 Disember 2020 adalah seramai **129** orang.
(31 Disember 2019: 133 orang)

	2020	2019
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1	2
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	21	25
Kumpulan Sokongan	62	58
Kumpulan Pasukan Polis Bantuan	45	48
Jumlah Kakitangan	129	133

36. INSTRUMEN KEWANGAN

a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan LGMPC adalah untuk memastikan sumber-sumber kewangan yang mencukupi bagi pembangunan operasi LGMPC sementara menguruskan risiko-risiko kewangannya termasuk risiko kredit, risiko kadar faedah, risiko pinjaman tidak berbayar, risiko kecairan dan aliran tunai.

b) Risiko Kredit

Risiko kredit LGMPC adalah daripada akaun-akaun penghutang. Akaun-akaun ini dipantau dari masa ke masa melalui prosedur dalaman yang sedia ada dan tindakan akan diambil terhadap hutang-hutang tertunggak.

Pendedahan maksima kepada risiko kredit bagi aset kewangan yang dikenalpasti merupakan amaun pembawa yang ditunjukkan dalam lembaran imbalan.

c) Risiko Kadar Faedah

LGMPC menyelenggara satu had tunai dan simpanan tetap untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Risiko ini wujud akibat turun naik kadar faedah di pasaran.

d) Risiko Pinjaman Tidak Berbayar

Risiko pinjaman tidak berbayar timbul daripada pinjaman kakitangan yang terdiri daripada pinjaman perumahan. Risiko ini wujud disebabkan pemberhentian dan kematian kakitangan terbabit. Risiko ini ditangani oleh LGMPC dengan membuat penilaian terhadap permohonan tersebut berdasarkan latar belakang kedudukan kewangan pemohon pinjaman dan juga mematuhi peraturan-peraturan yang digariskan dalam terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan LGMPC yang berkaitan dengan pinjaman perumahan. Segala bentuk pinjaman kepada kakitangan tidak lagi disediakan mulai tahun 2007.

e) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Pihak LGMPC menguruskan dengan teliti urusan keluar masuk tunai dan juga urusan pengutipan semula hutang-hutang pelanggan yang mencapai tempoh matang bagi menjaga kecairan dan aliran tunai.

37. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN

Bagi penyata kewangan ini, LGMPC mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan berkaitan kewangan, operasi, dan sebaliknya, atau di mana LGMPC dan pihak berkenaan adalah tertakluk kepada kawalan umum atau pengaruh penting yang sama.

a) Urusniaga antara pihak LGMPC dan LGM

	2020	2019
	RM	RM
Bayaran Sewa Ladang dan Harta Komersial	3,000,000	1,500,000
	<u>3,000,000</u>	<u>1,500,000</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI 31 DISEMBER 2020

Selain daripada transaksi di atas terdapat beberapa transaksi di bawah turut berlaku pada tahun ini

- i) Tuntutan balik perbelanjaan perkhidmatan GTACR and pengujian bagi pihak Perbadanan Induk.
- ii) Perkhidmatan Polis Bantuan (Penurunan fi daripada 3% kepada 1.5% pada Ogos 2019 dan diselaraskan pada tahun 2020).
- iii) Pembayaran dan tuntutan balik penggajian bagi Pihak Perbadanan Induk (tiada fi kombinasi).
- iv) Projek pengurusan bagi pihak Perbadanan Induk yang mana minima fi dapat dijanakan dengan kelulusan Ahli Lembaga.

b) Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting

Kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti LGMPC secara langsung atau tidak langsung. Tidak ada kakitangan pengurusan utama lain kecuali para Ahli Lembaga Pengarah (ALP) LGMPC. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut :

	2020 RM	2019 RM
Honorarium dan Kemudahan ALP	<u>371,919</u>	<u>373,186</u>

38. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan bagi tahun 2020 adalah bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Disember 2019.

39. PEMBERIAN KUASA UNTUK PELAPORAN

Penyata Kewangan LGMPC bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah LGMPC untuk diauditkan pada 5 Februari 2021.

40. PERISTIWA SELEPAS TARIKH LEMBARAN IMBANGAN

LGMPC turut terkesan dari segi operasi dan kewangan secara langsung mahupun tidak langsung akibat daripada Pandemik Covid-19 ini, bagaimanapun kedudukan kewangan yang masih kukuh dipercayai dapat mendorong LGMPC untuk bertindak balas dan mengharungi cabaran ini.

